



MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM



LAPORAN TAHUNAN 2016






DASAR

“Khidmat Terbaik”


VISI MBSA

“Menjadikan Shah Alam Bandar Raya Yang Berkualiti, Sejahtera, Kondusif dan Terunggul”



MISI MBSA

“Meningkatkan Tadbir Urus MBSA Sebagai Organisasi Yang Efisien, Efektif, Kompeten, Dinamis dan Terus Cemerlang”





LAPORAN KORPORAT

Objektif	02
Carta Organisasi	03
Zon Majlis Perwakilan Penduduk	04
Pengurusan Tertinggi MBSA	05
Pengurusan MBSA	06
Anugerah dan Pengiktirafan	08
Ahli Majlis Sesi 2015/2016	10
Ringkasan Eksekutif	12

LAPORAN PERKHIDMATAN

Jabatan Khidmat Pengurusan	17
Jabatan Kewangan	25
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta	27
Jabatan Kejuruteraan	32
Jabatan Perancangan	36
Jabatan Landskap	46
Jabatan Pelesenan	56
Jabatan Kesihatan Persekitaran	61
Jabatan Bangunan	64


Jabatan Pembangunan Komuniti	69
Jabatan Penguatkuasaan	78
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam	82
Bahagian Teknologi Maklumat	99
Bahagian Audit Dalam	101
Bahagian Perundangan	103
Bahagian Korporat & Perhubungan Awam	106
Bahagian Pesuruhjaya Bangunan	109
Bahagian Pusat Setempat	112
Bahagian Tender & Ukur Bahan	115
Bahagian Integriti	117


ISI KANDUNGAN

Pejabat Cawangan Sungai Buloh	121
Pejabat Cawangan Kota Kemuning	125

Pejabat Cawangan Setia Alam	127
Lembaran Imbangan & Penyata Pendapatan	129


- Perkhidmatan perbandaran yang efisien.
- Mewujudkan Shah Alam sebagai bandar raya yang bersih, indah, ceria dan selamat.
- Memastikan perancangan dan pembangunan yang teratur dan terkawal selaras dengan pembangunan mampan bagi melonjakan pertumbuhan ekonomi jangka panjang pelabur / peniaga dalam dan luar negeri.
- Memastikan budaya penyelenggaraan yang efektif dan konsisten.
- Mewujudkan bandar raya sejahtera.
- Meningkatkan pembangunan kemasyarakatan seimbang dengan pembangunan fizikal.
- Memelihara dan memulihara alam sekitar untuk kesejahteraan dan kesejahteraan warga Shah Alam dan generasi masa hadapan.
- Mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pertumbuhan industri, perdagangan dan pelancongan.
- Mewujudkan persekitaran yang kondusif dan selesa bagi OKU dan warga emas.
- Menjadikan Shah Alam pusat pembangunan dan kecemerlangan ilmu pendidikan.
- Tadbir urus yang cekap, berintegriti & berhemah.
- Memastikan warga kerja yang kompeten, komited dan berintegriti.
- Mengutamakan pelanggan dalam memberi perkhidmatan yang cekap, tepat, telus dan berkesan secara berterusan.
- Membudayakan penggunaan teknologi maklumat dalam semua urusan perkhidmatan.
- Menguatkuasakan peraturan dan undang-undang secara berhemah dan profesional.





Zon Seksyen

Zon 1	● 1, 2, 3, 4, 5, 6, 14
Zon 2	● 9, 10, 11, 11, 12, 13
Zon 3	● 7 & U12
Zon 4	● 8 & U11
Zon 5	● 15 & 16
Zon 6	● 17 & 18
Zon 7	● 19, 20, 21
Zon 8	● 22, 23, 24
Zon 9	● 25
Zon 10	● 26, 27, 28
Zon 11	● 29 & 30
Zon 12	● 31 & 33
Zon 13	● 32
Zon 14	● 34 & 35
Zon 15	● 36
Zon 16	● U1 & U2
Zon 17	● U3, U6, U7
Zon 18	● U4A & U5
Zon 19	● U8
Zon 20	● U9, U10, U14
Zon 21	● U13
Zon 22	● U15 & U16
Zon 23	● U17, U18, U19A
Zon 24	● U4B, U19B, U20





Datuk Bandar

**YBHG. DATO' HAJI AHMAD
ZAHARIN BIN MOHD SAAD**

Timbalan Datuk Bandar

**TUAN SHUKRI
BIN MOHAMAD HAMIN**

Timbalan Setiausaha

**TUAN HAJI ROSLI
BIN BAKAR**



Dari Kiri
Tuan Shukri Bin Mohamad Hamin
Timbalan Datuk Bandar

Y.Bhg. Dato' Haji Ahmad Zaharin Bin Mohd Saad
Datuk Bandar

Tuan Haji Rosli Bin Bakar
Timbalan Setiausaha

PENGURUSAN



Encik Madiyan Bin Baweh
Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan



Encik Affandi Bin Hj Jaafar
Pengarah Jabatan Kewangan



Puan Hj. Nor Akma Binti Hj Ahmad
Pengarah Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta



Tuan Ir. Hj. Cheremi Bin Tarman
Pengarah Jabatan Kejuruteraan



Puan Aniza Binti Hj. Osman
Pengarah Jabatan Perancangan



Encik Mohd Yunus Bin Suri
Pengarah Jabatan Landskap



Tuan Hj. Rosli Bin Bakar
Pengarah Jabatan Pelesenan (Timbalan Setiausaha)



Encik Norhisham Bin Mohammad
Jabatan Kesihatan Persekitaran (Pemangku Ketua Jabatan)



Puan Hjh. Rose Zairani Binti Marmuji
Pengarah Jabatan Bangunan



Puan Hjh. Asmah Binti Mohd Zin
Pengarah Jabatan Pembangunan Komuniti



Tuan Hj. Abdul Hakim Bin Mahmud
Ketua Jabatan Penguatkuasaan



Encik Mohd Azmi Bin Amer Khan
Ketua Jabatan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam



Puan Umi Aida Binti Ab. Malik
Ketua Bahagian Teknologi Maklumat



Encik Radzuan Bin Mezalan
Ketua Bahagian Audit Dalam



Encik Mohd Sofian Bin Abdul Rahman
Ketua Bahagian Perundangan



Encik Shahrin Bin Ahmad
Ketua Bahagian Korporat & Perhubungan Awam



Encik Badrul Hisham Bin Hussain
Ketua Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB)



Tuan Hj. Mohd Rusli Bin Dalim
Ketua Bahagian Pusat Setempat (OSC)



Puan Siti Nurhafidzah Binti Adnan
Bahagian Tender & Ukur Bahan (Pemangku Ketua Bahagian)



Puan Hjh. Juliah Binti Alimun
Ketua Bahagian Integriti



Encik Mohd Rizal Bin Johari
Pengurus Pejabat Cawangan Sungai Buloh



Encik Sahrul Nizam Bin Ahmad
Pengurus Pejabat Cawangan Kota Kemuning



Encik Zakria Bin Saleh
Pengurus Pejabat Cawangan Setia Alam

2014

- Anugerah Ketua Setiausaha Negara (Negeri – Kategori Pengurusan) pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan Ke-31 Tahun 2014.
- Anugerah EMAS pada Konvensyen Team Excellence Kebangsaan 2014, di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC).
- Persembahan Terbaik dan Pameran Terbaik pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Kali Ke-27, Peringkat Negeri Selangor 2014.
- Juara Kategori Pengurusan pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Kali Ke-27, Peringkat Negeri Selangor 2014.
- Anugerah “5S Hijau” anjuran SIRIM Berhad (SIRIM Green 5-S Recognition Scheme).
- “Lean Recognition Award” anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), di Setia City Convention Centre, Setia Alam, Shah Alam.
- Anugerah EMAS pada Konvensyen Team Excellence (QE/5S) Peringkat Wilayah Tengah 2014, di Sunway Pyramid Convention Centre (SPCC), anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).
- Pemenang Anugerah Green Apple 2014 “For Environmental Best Practice”, dari The Green Organization, United Kingdom.
- Pemenang Anugerah Planning Excellence Awards 2014, kategori “Place Making and Public Space Award” bagi projek Transformasi Lorong Belakang Shah Alam, dari Malaysian Institute of Planners (MIP).

2015

- Johan Kategori Pengurusan pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor Ke- 28 Tahun 2015. Majlis Bandaraya Shah Alam diwakili oleh Kumpulan X-Pert.
- Tempat Pertama Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejuruan Hijau Tahun 2015 bagi Kategori Sistem Pengumpulan Dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH), sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2015 anjuran Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- Naib Johan Kategori Teknikal pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan Negeri Selangor Ke 28 Tahun 2015. Majlis Bandaraya Shah Alam diwakili oleh Kumpulan Bam Boom.
- Naib Johan Sektor Awam (Negeri) pada Konvensyen Team Excellence Kebangsaan Tahun 2015 di Sunway Pyramid Convention Centre (SPCC). Majlis Bandaraya Shah Alam diwakili oleh Kumpulan EX 7.
- Naib Johan Pengurusan Rekod Terbaik Peringkat Dewan / Majlis Bandaraya 2015, Anjuran Arkib Negara Malaysia.
- Anugerah EMAS –EX7(Majlis Bandaraya Shah Alam) Konvensyen Team-Excellence Wilayah Utara Tahun 2015. Majlis Bandaraya Shah Alam diwakili oleh Kumpulan EX7.
- Persembahan Terbaik Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor Ke 28 Tahun 2015 bagi Kategori Pengurusan. Majlis Bandaraya Shah Alam diwakili oleh Kumpulan X-Pert.
- Hadiah Utama bagi Kategori Produk Akhir Terbaik pada Anugerah Cabaran My Innovation Negeri Selangor Tahun 2015. Majlis Bandaraya Shah Alam diwakili oleh Kumpulan EX7.
- Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor (APPC) 2015 bagi Kategori Pengurusan Teras.
- Tempat Ketiga pada Anugerah Pengurusan Pejabat Dan Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2015- Anugerah Pengurusan Pejabat Dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2015.
- Anugerah Khas pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Negeri Selangor Ke-28 Tahun 2015. Majlis Bandaraya Shah Alam diwakili oleh Kumpulan X- Park.
- Anugerah Emas dan Tiga Bintang pada Konvensyen Team Excellence Kebangsaan Tahun 2015 di Sunway Pyramid Convention Centre (SPCC). Majlis Bandaraya Shah Alam diwakili oleh Kumpulan EX 7.
- Pemenang Anugerah Green Apple (Green Apple Award Winner) Tahun 2015 bagi Kategori Environmental Best Practice. Pengiktirafan ini diberikan oleh The Green Organization, UK dengan Tajuk Projek “Waste Reduction For Environmental Sustainability”

- Anugerah Emas Ezy-Pameran – Di National and Invention Competition Through Exhibition 2016 pada 22, 23 dan 24 Mac 2016 di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra, Kedah Darul Aman. MBSA diwakili oleh Kumpulan EX-7.
- Inovasi Juara Kelas 1: Perkhidmatan dan Pemasaran Produk – Ezy-Pameran di National and Invention Competition Through Exhibition 2016 pada 22, 23 dan 24 Mac 2016 di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra, Kedah Darul Aman. MBSA diwakili oleh Kumpulan EX-7.
- Anugerah Khas Inovasi Paling Bernilai Johan Keseluruhan – Ezy-Pameran di National and Invention Competition Through Exhibition 2016 pada 22, 23 dan 24 Mac 2016 di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra, Kedah Darul Aman. MBSA diwakili oleh Kumpulan EX-7.
- Anugerah Emas Konvensyen Team Excellence Wilayah Tengah 2016 pada 17-18 Ogos 2016 di Dorsett Grand Subang. MBSA diwakili oleh Kumpulan EX-7.
- Anugerah Emas International Convention On Quality Control Circle 2016 – ICQCC Bangkok, Thailand pada 23-25 Ogos 2016. MBSA diwakili oleh Kumpulan EX-7.
- Anugerah Akrah Kategori Organisasi (Akrah Dinamik) daripada SUK pada 5 September 2016.
- Anugerah Tabung Majikan Prihatin Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan pada 14 Mei 2016 yang dianjurkan oleh CUEPACS.
- Anugerah Cemerlang KPI HRMIS 99.47% daripada SUK Selangor.
- Anugerah Khas Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di Majlis Apresiasi Inovasi Peringkat Negeri Selangor Tahun 2016 pada 13 Oktober 2016 dianjurkan oleh SUK Selangor di Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz Shah. MBSA diwakili oleh Kumpulan X-Pert.
- Anugerah Khas International Convention On Quality Control Circle – Kumpulan EX-7 mewakili Majlis Bandaraya Shah Alam.
- Persembahan Terbaik Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Negeri Selangor Tahun 2016 – Kumpulan Neu-Volution Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).
- Johan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Negeri Selangor Tahun 2016 – Kumpulan Neu-Volution Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).
- Anugerah Langkawi pada 22 Oktober 2016 kerana sumbangan yang besar ke arah keseimbangan pembangunan dan alam sekitar – anjuran Kerajaan Malaysia.
- Pengiktirafan Total Quality Management Program mengikut kriteria Total Quality Fast Track Model oleh SIRIM Berhad daripada 23 November 2012 hingga 31 Mac 2019.
- Pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti QE-5S anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) – bermula daripada 20 September 2001 hingga 18 Mei 2017.
- Pengiktirafan 5S-Hijau mengikut kriteria SIRIM Berhad – bermula 22 Ogos 2014 hingga 24 Ogos 2016.
- Pengiktirafan Lean Management oleh MPC bermula 25 Jun 2014 hingga 24 Jun 2016 oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).
- Pensijilan MS ISO 9001:2008 oleh SIRIM QAS – 21 September 1999 hingga 20 September 2017.
- Pensijilan ISO/IEC 27001: 2013 oleh SIRIM Berhad bermula dari 24 April 2014 hingga 23 April 2018.
- Penghargaan di atas pengiktirafan sebagai Fasilitator Cemerlang Tahun 2016 – sempena Anugerah Team Konvensyen Team Excellence Peringkat Kebangsaan 2016 pada 27 Oktober 2016 di Putrajaya International Convention Centre (PICC) oleh YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).
- Anugerah Ceria Bahasa Tahun 2015 anjuran Dewan Bahasa Pustaka – menjadi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pertama daripada 149 PBT seluruh negara mendapat Penarafan 5 Bintang Peringkat Kebangsaan.
- Anugerah Inovasi Negara 2016 Kategori Perkhidmatan pada 17-19 Oktober 2016 di Nu Sentral & Hilton Kuala Lumpur. MBSA diwakili oleh Kumpulan Bam Boom dari Pejabat Cawangan Sungai Buloh.
- Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam 2016 Kategori Pengurusan – Wakil Negeri Selangor pada 13-16 November 2016 di Melaka International Trade Centre, Ayer Keroh, Melaka. MBSA diwakili oleh Kumpulan Neu-Volution dari Jabatan Bangunan.



**Y.Bhg. Dato' Haji Ahmad Zaharin
Bin Mohd Saad**
Datuk Bandar

PENGERUSI MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK (MPP)



**Encik Ahmad Dusuki bin
Abdul Rani**
*Zon 1 (Seksyen 1, 2, 3, 4, 5,
6 & 14)*



**YDH Dato' Haji Emran bin
Haji Kadir**
*Zon 2 (Seksyen 9, 10, 11,
12 & 13)*



**Encik Noryzal bin Zainal
Abidin**
Zon 3 (Seksyen 7 & U12)



**Datin Hajah Anizan binti
Othman**
Zon 4 (Seksyen 8 & U11)



Puan Noraini binti Hussin
Zon 5 (Seksyen 15 & 16)



**Encik Abdul Halim bin
Omar**
Zon 6 (Seksyen 17 & 18)



**Encik Afzainizam bin Abd
Rahman**
Zon 7 (Seksyen 19, 20 & 21)



Encik Awang bin Ibrahim
Zon 8 (Seksyen 22, 23 & 24)



Puan Ruthira a/p Surasan
Zon 9 (Seksyen 25)



Puan Rozaina binti Hamzih
Zon 10 (Seksyen 26, 27 & 28)



Encik Imran bin Satiman
Zon 11 (Seksyen 29 & 30)



Encik Tan Ah Kow @ Tan Sie Wai
Zon 12 (Seksyen 31 & 33)



Encik Prakash Rao a/l Applasamy
Zon 13 (Seksyen 32)



Encik Papparaidu a/l Veraman
Zon 14 (Seksyen 34 & 35)



Encik Nor Asikin bin Selamat
Zon 15 (Seksyen 36)



Encik Fakhru Azman bin Khalidin
Zon 16 (Seksyen U1 & U2)



Encik Ir. Foong Saik Hoong
Zon 17 (Seksyen U3, U6 & U7)



Puan Siti Rohaya binti Ahad
Zon 18 (Seksyen U4a & U5)



YM Tengku Ahmad bin Tengku Kasim
Zon 19 (Seksyen U8)



Encik Prakash Rao a/l Applasamy (Memangku)
Zon 20 (Seksyen U9, U10 & U14)



Encik Siow Fun Yean
Zon 21 (Seksyen U13)



Encik Muhammad Shakir bin Ameer Mohideen
Zon 22 (Seksyen U15 & U16)



Encik Harri bin Mohammad Hassan
Zon 23 (Seksyen U17, U18 & U19a)



Encik Zulnizam bin Shahrani
Zon 24 (Seksyen U4b, U19b & U20)

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelaksanaan Program Inisiatif Hijau yang mendukung usaha-usaha penghasilan kerangka Pelan Tindakan Bandar Raya Rendah Karbon MBSA 2030 telah menjadi satu kemestian kepada pihak Majlis untuk mengajukkannya. Ini bagi memastikan seluruh warga Shah Alam memahami matlamat pelaksanaannya.

Dengan menyasarkan 45% pengurangan penghasilan karbon menjelang tahun 2030, MBSA telah menetapkan lima (5) sasaran program pengurangan karbon iaitu melalui pengangkutan; alam sekitar; sisa pepejal; sumber tenaga dan pentadbiran. Setiap program yang dirancang akan melibatkan salah satu sasaran yang ditetapkan bagi mencapai matlamat Pelan Tindakan Bandar Raya Rendah Karbon MBSA 2030.

Pelaksanaan inisiatif hijau telah dipraktikkan agar sasaran yang ditetapkan tercapai. Antara inisiatif hijau yang telah diterapkan dalam program-program Inisiatif hijau adalah penggunaan Bas dan Kereta Elektrik, penyediaan stesen pengecas kenderaan elektrik atau "electric vehicle charger" (EV Charger), sistem pengumpulan air hujan (SPAHI), pengasingan sampah dari rumah, pengkomposan sisa pasar dan sebagainya.

Pelaksanaan inisiatif hijau yang lebih mesra alam ini memberikan impak yang besar kepada warga kota Shah Alam sama ada dari segi kesihatan diri, keselamatan, penjimatan tenaga dan sumber, persekitaran yang sihat dan dapat mengekalkan alam sekitar sedia ada.

BAS SMART SELANGOR PENGANGKUTAN PERCUMA

MBSA telah menerima seramai 136,962 orang penumpang bagi tahun 2016 yang menggunakan perkhidmatan percuma Bas Smart Selangor. MBSA telah menerima sebuah bas untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan percuma kepada penduduk Shah Alam mulai 1 Julai 2015 daripada pihak Kerajaan Negeri Selangor.

Bermula pada bulan Julai hingga Disember 2015, MBSA telah menerima seramai 270,491 penumpang yang menggunakan pengangkutan ini pada setiap hari. Bas ini mengelilingi kawasan pusat bandar bermula di Stesen Komuter Seksyen 19 melalui kawasan Seksyen 2, 4, 6, 7 dan 14.

Oleh kerana sambutan yang menggalakkan dan penggunaan pengangkutan bas percuma ini amat memberangsangkan, MBSA telah menambah 2 laluan baru dengan bantuan pihak Kerajaan Negeri melibatkan peruntukan sebanyak RM1.25 juta. Peruntukan ini adalah untuk menambah perkhidmatan pengangkutan bas awam serta memperbaiki sistem pengangkutan awam di Selangor khususnya di kawasan Shah Alam.

Bas Smart Selangor ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan Jaringan Tanpa Wayar atau 'WIFI', kemudahan untuk golongan kurang upaya seperti 'ramp', ruang kerusi roda, serta beri pemegang, papan skrin L.E.D, dan sebagainya. Melalui penyediaan perkhidmatan pengangkutan percuma ini, MBSA berharap sistem pengangkutan perkhidmatan awam bertambah lancar dan dapat memberikan kemudahan kepada penduduk Shah Alam untuk sampai ke destinasi yang dituju.



Dengan adanya perkhidmatan pengangkutan bas percuma ini mampu menggalakkan penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam di kalangan penduduk Shah Alam. Galakkan penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam ini sedikit sebanyak menyokong usaha MBSA untuk mencapai dan melaksanakan program bandar raya rendah karbon. Pengurangan penggunaan kenderaan persendirian boleh mengurangkan pelepasan hidrokarbon, gas karbon dioksida dan gas karbon monoksida ke atmosfera.

Perkhidmatan pengangkutan bas percuma yang disediakan ini juga melalui kawasan sasaran yang berdensiti tinggi dan memberi tumpuan pada kawasan yang mana perkhidmatan pengangkutan awam diperlukan seperti kawasan sekolah, Institut Pengajian Tinggi, kawasan perumahan, pasar, pejabat, kedai, kilang dan sebagainya. Kawasan ini melibatkan pengguna yang terdiri daripada pekerja industri, penjawat awam, pelajar sekolah, pelajar Institut Pengajian Tinggi dan pengunjung di sesebuah kawasan yang memerlukan perkhidmatan pengangkutan awam. Selain itu, bas percuma ini juga sering digunakan oleh warga emas dan golongan kurang upaya kerana kemudahan yang disediakan kepada mereka.

BAZAR RAMADAN MAMPAN

Bagi memenuhi hasrat Kerajaan Negeri Selangor sebagai Negeri yang mementingkan kesejahteraan alam sekitar, MBSA menyahut cabaran pihak Kerajaan Negeri yang akan menguatkuasakan larangan penggunaan beg plastik dan polistirena pada Januari 2017. Pelaksanaan kempen ini terhadap peniaga bazar Ramadan di kawasan Shah Alam telah pun diadakan sejak tahun 2016.

Pelaksanaan pada peringkat pertama ini adalah bagi memberikan pendedahan dan pendidikan kepada pengguna terutamanya dan para peniaga terhadap kesan buruk yang disebabkan oleh penggunaan plastik secara berleluasa serta keburukan polistirena terhadap diri sendiri dan alam sekitar. MBSA melaksanakan kempen ini di bazar-bazar Ramadan bagi melihat keberkesanan pelaksanaan kempen tersebut.

Selain itu, pihak MBSA turut membekalkan bekas makanan yang boleh dikitar semula bagi memberi contoh kepada para peniaga makanan untuk menggantikan polistirena sebagai pembungkus makanan.

Pada tahun 2016, MBSA telah menganjurkan Program Bazar Ramadan Mampan Negeri Selangor dengan kerjasama Pejabat Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Hal Ehwal Pengguna dan Kebebasan Maklumat Negeri Selangor. Program ini merupakan inisiatif pihak Majlis bagi mendekati pengusaha/penjaja makanan dan minuman di Bazar Ramadan Bazarena Seksyen 13, Shah Alam.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi kesedaran awam kepada masyarakat mengenai kepentingan pengurangan penggunaan polistireng dan menggalakkan penggunaan bekas makanan mesra alam (biodegradable bag). Penggunaan polistireng dalam urusan harian bukan sahaja memberi kesan buruk kepada individu malahan kepada alam sekitar.

Program ini disempurnakan oleh YB. Puan Elizabeth Wong Keat Ping, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Hal Ehwal Pengguna dan Kebebasan Maklumat Negeri Selangor dengan menyerahkan barangan kelengkapan pengendali makanan seperti apron, topi dan edaran risalah 'Kempen Bebas Polisterin Shah Alam 2017' kepada pengusaha/penjaja makanan dan minuman di Bazar



PROGRAM #ECO FREE MARKET

Buat julung kalinya, MBSA mengambil inisiatif memperkenalkan program amal dengan mengedarkan barangan keperluan harian dan barangan terpakai secara percuma. Program ini diadakan bagi menggalakkan penyertaan warga kota Shah Alam dalam program-program kemasyarakatan dan kebajikan. Konsep Free Market Shah Alam adalah 'Less is More' yang bermaksud menguruskan pemberian barangan terpakai dan meminimalkan perbelanjaan kepada yang memerlukan.

Konsep "Free Market" yang diketengahkan ini dapat memupuk semangat dan sifat bersedekah di kalangan warga Shah Alam kepada yang memerlukan. Penyaluran dan edaran barangan terpakai secara percuma merupakan alternatif bagi mengelakkan pembaziran serta mengurangkan pembuangan barangan terpakai ke tapak pelupusan yang boleh melibatkan kos pengurusan sampah yang tinggi.

Program #ECO Free Market ini merupakan platform oleh pihak MBSA untuk mengeratkan hubungan sesama komuniti setempat dan merupakan salah satu usaha pihak Majlis membantu meringankan beban golongan mereka yang memerlukan. Matlamat penganjuran program ini bukan sahaja untuk membantu mereka yang memerlukan dan menggalakkan amalan kitar semula semata-mata malahan program ini juga bermatlamat mendidik warga kota Shah Alam menghargai kehidupan sedia ada dengan mengamalkan kesederhanaan dalam kehidupan.



PROGRAM PENANAMAN POKOK 'SHAH ALAM TREES FOR LIFE'

Tahun 2016 MBSA berjaya menanam sebanyak 8,351 anak pokok, dibantu oleh para sukarelawan seramai 2,327 orang yang menyertai program penanaman pokok 'Shah Alam

Trees For Life' yang dianjurkan oleh MBSA. Program ini telah dilaksanakan sejak tahun 2010 dan semakin mendapat perhatian di hati masyarakat dengan berobjektifkan berbakti kepada tanah dan mewujudkan persekitaran hijau di sekitar bandar raya Shah Alam.

Program ini juga sering menjadi tumpuan syarikat korporat untuk menjadi sebahagian daripada penyumbang kepada aktiviti yang menyokong pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar. Malahan program penanaman pokok ini juga mendapat sokongan daripada badan kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), Institut Pengajian Tinggi, sekolah menengah dan kebangsaan, persatuan pencinta alam sekitar dan individu yang melihat objektif program ini sebagai visi mengembalikan dan mengekalkan kesejahteraan alam sekitar.

Melalui program ini juga, bandar raya Shah Alam mempunyai jajaran hijau di setiap kawasan pusat bandar seperti Taman Tasik Shah Alam, Taman Lembah Bukit SUK, jalan-jalan persiaran dan sebagainya. Jajaran hijau ini memberikan redupan dan mewujudkan suasana damai taman dalam bandar. Dengan menasaskan sebanyak 80,000 pokok ditanam di sekitar kawasan Shah Alam, pada tahun 2016 sebanyak 11 program penanaman pokok 'Shah Alam Trees For Life' telah dilaksanakan.

MBSA membuka peluang kepada syarikat korporat, badan bukan kerajaan dan badan kerajaan untuk menjadi penyumbang dan sebahagian daripada program ini untuk melaksanakan tanggungjawab korporat mereka terhadap masyarakat dan alam sekitar.



CEGAH AEDES CEGA DENGGI

Sebanyak 7,909 kes demam denggi dilaporkan pada tahun 2016 berbanding 8,160 kes demam denggi yang dilaporkan pada tahun 2015 bagi seluruh kawasan Shah Alam. Penurunan yang ditunjukkan ini bukanlah peluang untuk MBSA berasa selesa dan mengabaikan tanggungjawab dalam memastikan kesihatan masyarakat setempat dan pendidikan terhadap bahaya denggi dibiarkan semata-mata. Unit Kawalan Vektor yang ditubuhkan melalui Jabatan Kesihatan Persekitaran MBSA sentiasa memantau dan melaksanakan pemeriksaan dari semasa ke semasa.

Setiap kawasan kediaman, kilang, taman-taman awam, tanah lapang, kawasan pembinaan dan sebagainya sentiasa dipantau dan diperiksa bagi memastikan setiap individu mahupun pemilik kilang dan pengusaha projek tapak binaan mematuhi syarat dan peraturan kebersihan yang ditetapkan oleh pihak Majlis.

MBSA juga bukan sahaja melaksanakan aktiviti pemeriksaan dan pemantauan semata-mata, malahan MBSA juga melaksanakan aktiviti promosi dan pendidikan di sekolah-sekolah dan kawasan kediaman dengan bantuan persatuan penduduk sekitar Shah Alam untuk menyampaikan dan memberikan penerangan terhadap langkah pencegahan denggi.

Selain itu, MBSA turut melancarkan Program SEDA-10 (Cari dan Musnah Aedes 10 Minit) di peringkat Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) ZON Shah Alam serta perlantikan Ahli Majlis MBSA sebagai Agen SEDA-10. Program ini merupakan tindakan proaktif untuk mengatasi masalah kes demam denggi yang berlaku di kawasan pentadbiran MBSA.

Objektif program ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan, memberikan kesedaran dan tanggungjawab kepada penduduk terhadap kepentingan mengamalkan kebersihan dalam menangani masalah demam denggi. Melalui program SEDA-10 ini, masyarakat didedahkan dengan aktiviti kebersihan dengan mewujudkan persekitaran yang bersih serta bebas aedes.

Ini menunjukkan komitmen MBSA yang tinggi dan memandang serius terhadap isu kes demam denggi di Shah Alam. MBSA mensasarkan untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang sejahtera, sihat dan bebas daripada sebarang penyakit yang boleh mengganggu-gugat kesejahteraan masyarakat.

PENGANUGERAHAN DAN PENGIKTIRAFAN

Penganugerahan dan pengiktirafan adalah perlu bagi sesebuah organisasi terutamanya kepada organisasi MBSA yang mana banyak melaksanakan urusan bersama para pelanggan yang terdiri daripada warga kota Shah Alam, para pelabur dan pemaju perbandaran, pengusaha kilang, peniaga, agensi kerajaan yang lain dan sebagainya. Setiap perkhidmatan yang diberikan perlulah mempunyai penambahbaikan selari dengan perubahan teknologi mengikut zaman.

Warga kerja MBSA sentiasa bersedia dan “up-to-date” terhadap perkembangan semasa dan sentiasa mencari idea-idea baru yang boleh menambahbaik perkhidmatan sedia ada. Keadaan ini boleh memberikan impak yang besar terhadap penjimatan kos pengurusan, pengurusan masa dan penyampaian maklumat kepada pelanggan serta program-program yang membantu warga Shah Alam memperolehi maklumat terkini yang boleh mewujudkan bandar raya yang urban, lestari dan berdaya saing.

Warga kerja yang rata-ratanya juga merupakan warga kota Shah Alam melihat kehendak penduduk Shah Alam yang inginkan satu kelainan dari segi program, aktiviti dan kemudahan perkhidmatan yang boleh menjimatkan masa dan mengurangkan pergerakan untuk hadir ke kaunter utama MBSA. Segala inovasi yang dicipta dan disediakan oleh warga kerja diiktiraf bagi memartabatkan organisasi MBSA sebagai sebuah organisasi yang sentiasa bersedia memberikan yang terbaik kepada warga Shah Alam khususnya.

Pengiktirafan dan penganugerahan yang diterima menjadikan organisasi MBSA terus cemerlang dan unggul sama ada di dalam dan luar negara. Berikut adalah pengiktirafan dan penganugerahan yang diperolehi pada tahun 2016:-

1. Anugerah Emas Ezy-Pameran di National and Invention Competition Through Exhibition 2016, MBSA diwakili oleh Kumpulan EX-7;
2. Anugerah Khas Inovasi Paling Bernilai Johan Keseluruhan – Ezy-Pameran di National and Invention Competition Through Exhibition, MBSA diwakili oleh Kumpulan EX-7;
3. Anugerah Emas Konvensyen Team Excellence Wilayah Tengah 2016, MBSA diwakili oleh Kumpulan EX-7;
4. Anugerah Emas International Convention On Quality Control Circle 2016 – ICQCC Bangkok, Thailand, MBSA diwakili oleh Kumpulan EX-7;
5. Anugerah Tabung Majikan Prihatin Badan-Badan

Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan dianjurkan oleh CUEPACS;

6. Anugerah Cemerlang KPI HRMIS 99.47% daripada SUK Selangor;
7. Anugerah Khas Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di Majlis Apresiasi Inovasi Peringkat Negeri Selangor Tahun 2016, MBSA diwakili oleh Kumpulan X-Pert;
8. Johan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Negeri Selangor Tahun 2016 – Kumpulan Neu-Volution Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA);
9. Anugerah Langkawi kerana sumbangan yang besar ke arah keseimbangan pembangunan dan alam sekitar;
10. Anugerah Inovasi Negara 2016 Kategori Perkhidmatan, MBSA diwakili oleh Kumpulan Bam Boom dari Pejabat Cawangan Sungai Buloh;
11. Anugerah MIP Recognition Award bagi kategori Community-Based Planning Awards dan Place Making And Public Space Awards anjuran Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP);
12. Tempat Kedua Kategori Sungai pada Majlis Penyampaian Hadiah Program Pantai Dan Sungai Angkat Negeri Selangor 2016 anjuran Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau Dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Selangor dengan kerjasama Lembaga Urus Air Selangor (Luas);
13. Anugerah Bandar Mampan 2015 (Program Pelaksanaan Pengukuran Bandar Mampan Malaysia Melalui Pelaksanaan Malaysian Urban-Rural Indicators Network On Sustainable Development (MURNInets);
14. Anugerah Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau 2016 (Pembangunan Kebun Kejiranan (Kategori Bandar Raya).

Khidmat terbaik.

DATO' HAJI AHMAD ZAHARIN BIN MOHD SAAD

D.P.M.S., S.M.S., B.P.C.

Datuk Bandar Shah Alam

17

Jabatan
Khidmat
Pengurusan

25

Jabatan
Kewangan

27

Jabatan
Penilaian &
Pengurusan
Harta

1.0 PROFIL JABATAN

1.1 JUMLAH KAKITANGAN

BIL.	JAWATAN	JUMLAH
1.	Pengarah	1
2.	Timbalan Pengarah	1
3.	Pegawai Tadbir	6
4.	Penolong Pegawai Tadbir	16
5.	Pembantu Tadbir Kanan	5
6.	Pembantu Tadbir	47
7.	Pembantu Am Pejabat	1
8.	Pekerja Awam	2
9.	Penghantar Notis	1
10.	Pemandu Kenderaan	6
11.	Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip)	1
12.	Pembantu Operasi	4
13.	Pembantu Awam	1
JUMLAH		92

1.2 SEKSYEN/ UNIT

- Seksyen Sumber Manusia
 - Unit Perkhidmatan
 - Unit Penjawatan Dan Kenaikan Pangkat
 - Unit Pembangunan Modal Insan
 - Unit Kemudahan Dan Kebajikan
- Seksyen Pentadbiran Am
- Seksyen Perolehan Dan Pengurusan Aset
 - Unit Perolahan
 - Unit Pengurusan Aset Dan Stor
- Seksyen Latihan Pembangunan Kerjaya Dan Kualiti
- Unit Urusetia Mesyuarat
- Unit Pengurusan Bangunan

1.3 FUNGSI JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

- Mengendalikan pengurusan tenaga manusia
- Menguruskan pentadbiran jabatan-jabatan MBSA
- Menguruskan perolehan, bekalan dan stok
- Urusan pembangunan organisasi dan penyelidikan
- Meningkatkan pengurusan kualiti dan produktiviti MBSA
- Memastikan pematuhan undang-undang oleh setiap warga kerja MBSA
- Menguruskan tempat letak kereta wisma termasuk sewaan tempat letak kereta
- Menyelaras program, peralatan, dan aspek keselamatan bangunan
- Menguruskan dan menyelaras mesyuarat utama majlis

2.0 LAPORAN AKTIVITI/ PROGRAM

2.1 SEKSYEN SUMBER MANUSIA

2.1.1 UNIT PENJAWATAN DAN KENAikan PANGKAT


LAPORAN PENGISIAN KAKITANGAN MBSA 2016

Pada tahun 2016, jumlah kakitangan bertaraf tetap yang mengisi jawatan di pelbagai skim perkhidmatan dan gred adalah seramai 813 orang. Manakala, 821 orang kakitangan pula mengisi jawatan yang bertaraf kontrak.

Berikut adalah Graf Bar yang menunjukkan statistik kakitangan

bertaraf tetap dan kontrak mengikut kategori kumpulan perkhidmatan:


Rajah 1 : Statistik Pengisian Perjawatan MBSA 2016



LAPORAN PENGISIAN JAWATAN GRED LANTIKAN, GRED KENAikan PANGKAT

Pada tahun 2016, secara keseluruhan 52 jawatan tetap telah diisi. Manakala, bagi jawatan bertaraf kontrak pula adalah melibatkan sebanyak 83 jawatan. Berikut adalah graf yang menunjukkan statistik pengisian jawatan kosong di gred lantikan dan gred kenaikan pangkat:

Rajah 2 : Statistik Pengisian Jawatan Kosong Di Gred Lantikan dan Kenaikan Pangkat



2.1.2 UNIT PPMI


Antara program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:-

BIL.	TAJUK PROGRAM	TARIKH PELAKSANAAN
1.	Program Morning Meeting	1 Februari 2016
2.	Kempen Terima Kasih Datang Awal	1 Jun 2016
3.	Program Teh Tarik Corner	12 Januari 2016
4.	Minggu Program Pembangunan Modal Insan	Oktober 2016
5.	Pelantikan Agen Perubahan	-
6.	Program Pembimbing Perkhidmatan Awam [AKRAB]	16 Jun 2016
7.	Bengkel Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam [AKRAB]	24 dan 25 Mac 2016


8.	Program Dinamik Kelompok MBSA	16 Februari 2016
9.	Lawatan Akrab MBSA ke Rumah Orang Tua AL-EHSAN	12 Mac 2016
10.	Majlis Pelantikan Program Pementoran Dalam Perkhidmatan Awam	26 Februari 2016
11.	Kursus 'Training of Trainers'- Program Pementoran Dalam Perkhidmatan Awam MBSA Tahun 2016	25 Ogos 2016
12.	Bengkel Pemantapan dan Majlis Penutup Program Pementoran Dalam Perkhidmatan Awam MBSA Tahun 2016	6 hingga 7 Disember 2016

2.2 SEKSYEN PENTADBIRAN AM

Pelupusan rekod bagi tahun 2016 adalah sebanyak 113 buah fail yang dilupuskan




2.2.1 PEMBAHARUAN CUKAI JALAN DAN INSURANS KENDERAAN



Jadual diatas menunjukkan jumlah perbandingan pembaharuan cukai jalan dan insurans kenderaan bagi tahun 2015 sebanyak 286 dan bagi tahun 2016 adalah sebanyak 347 buah kenderaan.

2.2.2 Penggunaan Kad SMART PAY

PERBANDINGAN PENGGUNAAN PENGISIAN MINYAK KENDERAAN MAJLIS BAGI TAHUN 2015-2016



2.3 SEKSYEN PEROLEHAN

2.3.1 UNIT PEROLEHAN

PELAKSANAAN SEBUTHARGA/ TENDER 2016


Sebanyak dua puluh dua (22) sebutharga/tender yang bernilai RM3,981,576.00 telah berjaya diuruskan pada tahun 2016 manakala Sebutharga B berjumlah RM4,167,411.93. Senarai sebutharga dan tender yang diuruskan adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	2016	JUMLAH
1.	Sebutharga/ Tender	22	RM 3,981,576.00
2.	Sebutharga B	137	RM 4,167,411.93

Tahun 2016 merupakan cabaran baru bagi Unit Perolehan kerana menerima satu (1) lagi tugas penting iaitu dipertanggungjawabkan untuk menguruskan keseluruhan proses bayaran bagi perolehan sebutharga/tender terbuka yang diuruskan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan sebelum ini yang mana, diuruskan oleh Bahagian Tender dan Ukur Bahan. Proses bayaran sebutharga/tender ini merangkumi daripada penerimaan surat tawaran kepada pemborong berjaya, surat setuju terima, bon perlaksanaan, penyediaan dokumen perjanjian ke Jabatan Undang-Undang, pengesahan kerja dan seterusnya melengkapkan dokumen pembayaran ke Jabatan Kewangan.



PERBANDINGAN SEBUTHARGA B BAGI TAHUN 2015-2016



Jumlah keseluruhan bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM3,081,134.65 manakala bagi tahun 2016 nilai keseluruhan perolehan ini adalah RM4,167,411.93.

2.3.2 UNIT PENGURUSAN ASET DAN STOR

Unit Pengurusan Aset melaksanakan tugas bagi pendaftaran aset dan inventori mengikut Pekeliling 1PP iaitu KP 1.1/2013 Tatacara Pengurusan Aset (TPA) melalui pendaftaran sistem berkomputer i-Aset (SPA).

BIL	PERKARA	2016	JUMLAH HARTA MODAL
1	KEW-PA 2	588	RM 5,532,726.00
2	KEW-PA 3	1218 rekod	RM 877.966.00

Dimaklumkan semua aset harta modal dan inventori yang didaftarkan akan diperiksa sekurang-kurangnya sekali setahun. Oleh yang demikian Majlis telah melantik Pegawai Pemeriksa aset dan stor bagi melaksanakan pemeriksaan tersebut. Pemeriksaan telah dilakukan pada 28 November hingga 5 Disember 2016. Kesemua daftar aset KEW-PA2 dan KEW-PA 3 iaitu 588 rekod dan 1218 rekod telah diperiksa.

PENDAFTARAN ASET ALIH KERAJAAN



Unit Pengurusan aset juga dikenali sebagai Urusetia Pelupusan Aset Alih Majlis. Sebanyak 6 kertas cadangan pelupusan perabot dan alat perkakas pejabat telah dikemukakan kepada Lembaga Pelupusan Majlis dan telah diluluskan. Terdapat empat (4) kaedah pelupusan telah dilaksanakan oleh Majlis iaitu Jual, Buang, Jualan Sisa dan E-waste.


PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN



2.4 SEKSYEN LATIHAN, PEMBANGUNAN KERJAYA DAN KUALITI

KURSUS DALAMAN 2016

PECAHAN KURSUS DALAMAN 2016




JUMLAH KURSUS ANJURAN AGENSI LUAR 2016

KURSUS ANJURAN AGENSI LUAR 2016




JUMLAH KURSUS LUAR NEGARA/ LAWATAN KERJA MENGIKUT KELULUSAN OLEH Y.BHG DATUK BANDAR

KURSUS LUAR NEGARA / LAWATAN KERJA mengikut kelulusan Oleh Y.Bhg Datuk Bandar



PERATUSAN JUMLAH KEHADIRAN KURSUS KAKITANGAN MAJLIS BAGI TAHUN 2016

Jumlah Kehadiran Kursus Kakitangan Bagi Tahun 2016



	KURANG 7 HARI (ORANG)	LEBIH 7 HARI (ORANG)	TIDAK HADIR KURSUS (ORANG)
Jumlah	513	1112	13
Jumlah Keseluruhan Kakitangan	1,638 Orang		

ANTARA KURSUS YANG DIANJURKAN



Kursus Menembak



Kursus Perasa Bersama Ahli Majlis dan Warga Kerja Majlis



Bengkel KIK/Inovasi di Intekma Convention Centre, Shah Alam



Majlis Ilmu - Program Bulanan

MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR DAN KEBANGSAAN

Majlis Apresiasi Inovasi Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor ini merupakan pengiktirafan dan tanda penghargaan kepada agensi-agensi seperti kerajaan iaitu, 12 Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor.

KEPUTUSAN PENUH MAJLIS APRESIASI TAHUN 2016 ANJURAN PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

KATEGORI PENGURUSAN

PEMENANG	NAMA KUMPULAN	JABATAN/AGENSI
JOHAN	NEU-VOLUTION	Majlis Bandaraya Shah Alam
NAIB JOHAN	ACE 10	Majlis Perbandaran Ampang Jaya
KETIGA	Express SUK	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

KATEGORI PENGURUSAN

PEMENANG	NAMA KUMPULAN	JABATAN/AGENSI
JOHAN	QUARTZ	Majlis Perbandaran Ampang Jaya
NAIB JOHAN	BAM BOOM	Majlis Bandaraya Shah Alam
KETIGA	GP 2	Majlis Daerah Kuala Langat

PERSEMBAHAN TERBAIK

PEMENANG	JABATAN/AGENSI
NEU-VOLUTION	Majlis Bandaraya Shah Alam

GAMBAR DAN AKTIVITI PROGRAM INOVASI





Lawatan oleh Y.Bhg. Datuk Bandar , Timbalan Datuk Bandar dan Pengarah Khidmat Pengurusan ke Booth Pameran



Barisan Pengurusan Tertinggi, Majlis Bandaraya Shah Alam



JOHAN Kategori Pengurusan - Kumpulan Neu-Volution MBSA - Majlis Persada Inovasi Sektor Awam Peringkat Negeri Selangor ke-29 2016



Suasana di Dewan Renantanda, Majlis Bandaraya Shah Alam



Hadiah Utama Kategori Produk Akhir Terbaik Anugerah Cabaran My Innovation Negeri Selangor Tahun 2015 - Kumpulan EX7 - MBSA



Upacara Mengangkat Sumpah dan Ikrar Aku janji Integriti oleh Encik Tan Ah Kow



Peserta Final Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) tahun 2016

2.5 UNIT URUSETIA MESYUARAT

Bagi tahun 2016, terdapat 3 acara Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis telah diadakan pada tarikh seperti berikut :

- Pada 21 Januari 2016 – seramai 20 orang Ahli Majlis
- Pada 29 Januari 2016 – seramai 1 orang Ahli Majlis
- Pada 9 Mac 2016 – seramai 2 orang Ahli Majlis



Barisan Ahli-ahli Majlis, Majlis Bandaraya Shah Alam bagi Sesi 2016/2017

Senarai Nama Ahli Majlis MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM Bagi Sesi 2016/2017

BIL	BULAN	ORGANISASI	MAJLIS ANGKAT SUMPAH	TEMPOH LANTIKAN SEHINGGA
1	YDH Dato' Haji Emran Bin Haji Kadir	OBD	21.1.2016	31.12.2017
2	Encik Tan Ah Kow @ Tan Sie Wai	PKR	21.1.2016	31.12.2017
3	Encik Harri Bin Mohammad Hassan	PAS	21.1.2016	31.12.2017
4	Encik Papparaidu A/L Veraman	DAP	21.1.2016	31.12.2017
5	YM Tengku Ahmad Bin Tengku Kasim	PKR	21.1.2016	31.12.2017
6	Puan Ruthira A/P Surasan	PKR	21.1.2016	31.12.2017
7	Datin Hajah Anizan Binti Othman	PKR	21.1.2016	31.12.2017
8	Encik Awang Bin Ibrahim	PKR	21.1.2016	31.12.2017
9	Encik Noryzal Bin Zainal Abidin	PKR	21.1.2016	31.12.2017
10	Encik Afzainizam Bin Zainal Abidin	PKR	21.1.2016	31.12.2017
11	Encik Nor Asikin Bin Selamat	PKR	21.1.2016	31.12.2017
12	Encik Zulnizam Bin Shahrani	PKR	29.1.2016	31.12.2017
13	Puan Noraini Binti Hussin	PAS	21.1.2016	31.12.2017
14	Encik Ahmad Dusuki Bin Abd Rani	PAS	21.1.2016	31.12.2017
15	Encik Fakhrul Azman Bin Khalidin	PAS	21.1.2016	31.12.2017
16	Encik Abdul Halim Bin Omar	PAS	21.1.2016	31.12.2017
17	Encik Imran Bin Satiman	PAS	21.1.2016	31.12.2017
18	Encik Prakash Rao A/L Applasamy	DAP	21.1.2016	31.12.2017
19	Tuan Ir. Foong Saik Hoong	DAP	21.1.2016	31.12.2017
20	Encik Siow Fun Yean	DAP	21.1.2016	31.12.2017
21	Encik Muhammad Shakir Bin Amir Mohideen	DAP	21.1.2016	31.12.2017
22	Puan Siti Rohaya Binti Ahad	PAS	09.3.2016	31.12.2017
23	Puan Rozaina Binti Hamzih	PKR	09.3.2016	31.12.2017

Unit Urusetia Mesyuarat telah menguruskan sebanyak 256 mesyuarat yang melibatkan Mesyuarat Majlis, Mesyuarat Khas Majlis, Mesyuarat Jawatankuasa, Mesyuarat Pengurusan, mesyuarat-mesyuarat lain dan sepanjang tahun 2016 mengikut bilangan seperti berikut:


BIL	BULAN	MESYUARAT MAJLIS	MESYUARAT KHAS BAJET	MESYUARAT JAWATAN KUASA	MESYUARAT PENGURUSAN	MESYUARAT LAIN	JUMLAH
1	Jan	1	-	2	2	2	7
2	Feb	1	-	17	1	5	24
3	Mac	1	-	18	1	5	25
4	Apr	1	-	19	2	5	27
5	Mei	1	-	13	2	5	21
6	Jun	1	-	18	1	5	25
7	Jul	1	-	12	-	4	17
8	Ogos	1	-	18	1	5	25
9	Sept	1	-	13	-	5	20
10	Okt	1	-	19	1	5	26
11	Nov	1	-	19	1	5	26
12	Dis	1	-	8	-	4	13
JUMLAH		12	1	176	12	55	256

Mesyuarat-mesyuarat lain yang diselenggarakan oleh Unit Urusetia Mesyuarat adalah seperti berikut:

BIL	MESYUARAT
1	JK Kerja Pengindahan Bandar
2	Pra Jawatankuasa Pusat Setempat
3	Pra Mesyuarat Majlis (Pengarah)
4	Pra Mesyuarat Majlis (Ahli Majlis)


Gambar rajah di bawah adalah carta pai yang menunjukkan perincian statistik peratusan mesyuarat-mesyuarat yang telah diadakan pada tahun 2016.

Statistik Peratusan Mesyuarat Sepanjang Tahun 2016



Gambar rajah di bawah adalah carta yang menunjukkan bilangan mesyuarat yang telah diadakan pada setiap bulan di dalam tahun 2016.

Statistik Mesyuarat Sepanjang Tahun 2016 (mengikut bulan)



Segala pengurusan Mesyuarat Majlis, Mesyuarat Khas Majlis, Jawatankuasa dan Lembaga adalah mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) SPBT Bil. 1/2011 mengenai penubuhan, penetapan bidang kuasa dan keanggotaan Jawatankuasa yang baru.

Terdapat 16 Jawatankuasa Induk dan 11 Jawatankuasa teknikal atau terbitan yang telah bermesyuarat sepanjang tahun 2016 dan Bilangan Mesyuarat Majlis, Mesyuarat Khas Majlis, Jawatankuasa dan Lembaga yang telah diadakan adalah seperti dalam jadual berikut:

Mesyuarat Jawatankuasa Induk

BIL	MESYUARAT	BIL MESYUARAT
1	Mesyuarat Majlis	12 kali
2	Mesyuarat Khas Majlis	1 kali
3	JK Kewangan	10 kali

4	JK Kawalan Perniagaan & Kesihatan	11 kali
5	JK Infrastruktur dan Bangunan	10 kali
6	JK Pengindahan Bandar	9 kali
7	JK Perkhidmatan & Teknologi Maklumat	11 kali
8	JK Kemasyarakatan	8 kali
9	JK Pusat Setempat	24 kali
10	JK Audit dan Pengurusan Korporat	9 kali
11	Lembaga Tender	10 kali
12	Lembaga Pelupusan Harta	10 kali
13	JK Sebuttharga	10 kali
14	JK Pihak Berkuasa Melantik	9 kali
15	Lembaga Tatatertib	5 kali
16	JK Pembangunan Mampan	2 kali

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal / Terbitan

BIL	MESYUARAT	BIL. MESYUARAT
1.	JK Hasil dan Tunggakan	9 kali
2.	JK Bantahan Nilai	5 kali
3.	JK Teknikal Penswastaan	7 kali
4.	JK Bertindak Hal Ehwal Pelesenan	11 kali
5.	JK Pelaburan & Perdagangan	4 kali
6.	JK Khas Pengangkutan Awam	2 kali
7.	JK Pemandu Projek Khas	5 kali
8.	JK Bandar Selamat & Bebas Halangan	5 kali
9.	JK Wanita	1 kali
10.	JK Bantahan Perancangan	7 kali


Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal / Terbitan (Baru)

BIL	MESYUARAT	BIL. MESYUARAT
1.	Lembaga Akaun Amanah Majlis	2 kali

Unit Urusetia Mesyuarat juga menyelenggarakan mesyuarat-mesyuarat lain seperti Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pengindahan Bandar, Pra Jawatankuasa Pusat Setempat, Pra Mesyuarat Majlis (Ahli Majlis), Pra Mesyuarat Majlis (Pengarah), Majlis Bandaraya Shah Alam. Bilangan mesyuarat yang telah diadakan adalah seperti dalam jadual berikut:

BIL	MESYUARAT	BIL. MESYUARAT
1.	JK Kerja Pengindahan Bandar	9 kali
2.	Pra Jawatankuasa Pusat Setempat	24 kali
3.	Pra Mesyuarat Majlis (Ahli Majlis)	11 kali
4.	Pra Mesyuarat Majlis (Pengarah)	11 kali

Bermula Mac 2016, Urusetia Mesyuarat telah menggunakan sepenuhnya aplikasi Sistem MyMesyuarat Majlis Bandaraya Shah Alam yang dibangunkan oleh Bahagian Teknologi Maklumat, MBSA. Melalui sistem ini, semua notis mesyuarat, minit mesyuarat dan kertas laporan / cadangan dapat dihantar / diedarkan secara online kepada semua Ahli Majlis, Pengarah, Ketua Bahagian, Pengurus Pejabat Cawangan dan agensi-agensi luar yang berkenaan. Sistem ini dapat dicapai menggunakan alamat URL <http://mymesyuarat.mbsa.gov.my/>



2.6 UNIT PENGURUSAN BANGUNAN

2.6.1 PELAKSANAAN PROGRAM LATIHAN “FIRE DRILL” DI BANGUNAN MBSA

Latihan kebakaran ini telah diadakan pada 1 Jun 2016 (Rabu) pada pukul 9.30 pagi hingga 11.30 pagi bertempat di Wisma MBSA.



Pemeriksa tingkat “Floor Checker” memainkan peranan dengan menghitung jumlah kakitangan yang hadir di jabatan masing-masing



Demonstrasi oleh Pasukan Pemadam Api menggunakan kaedah semburan air untuk memadamkan kebakaran

2.6.2 LAPORAN OPERASI PENUNDAAN KENDERAAN DI BANGUNAN WISMA MBSA

Dimaklumkan bahawa Unit Pengurusan Bangunan yang dibantu oleh wakil Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Kejuruteraan dan Bahagian Intergriti telah menjalankan operasi menunda kenderaan

yang ditinggalkan melebihi satu (1) hari di tempat letak kenderaan Bangunan Wisma MBSA pada 22 Oktober 2016 (Sabtu) jam 12.00 pagi sehingga 5.00 pagi. Jumlah kenderaan yang ditunda adalah tiga (3) daripada sembilan (9) notis kesalahan yang dikeluarkan.

2.6.3 RUANG PEJABAT

Unit Pengurusan Bangunan, Jabatan Khidmat Pengurusan telah menjalankan pemantauan ruang pejabat dan pemeriksaan keselamatan berkala di Bangunan Wisma MBSA seperti penyelenggaraan pembersihan, semakan tarikh luput alat pemadam api, naik taraf Jabatan/Bahagian dan pengurusan penempatan ruang pejabat. Sehubungan dengan itu juga, pihak kami sedang menjalankan kaji selidik penggunaan garis panduan ruang pejabat mengikut spesifikasi ruang kerja jabatan-jabatan kerajaan seperti garis panduan yang telah ditetapkan oleh Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan sebagainya untuk digunakan bagi penyelarasan garis panduan ruang pejabat di Bangunan Wisma MBSA.

2.6.4 MESIN AUTO PAY

Unit Pengurusan Bangunan, Jabatan Khidmat Pengurusan dalam proses menaiktaraf dan menambahbaik Tempat Letak Kereta di Bangunan Wisma MBSA. Sebanyak 965 buah kenderaan boleh digunakan di Tempat Letak Kereta Bangunan MBSA pada suatu masa. Kadar Caj Tempat Letak Kereta seperti berikut:-

BIL	KADAR / CAJ YANG DIKENAKAN	BIL. MESYUARAT
A. Pelawat		
1.	(Percuma)	(15 Minit Pertama)
2.	RM 1.00	(Jam Pertama Atau Sebahagian Daripadanya)
3.	RM 1.00	Setiap Jam Berikutnya
4.	RM 2.00	Isnin – Jumaat (5.30ptg-4.00pg) (Sekali Masuk / Sehari)
5.	RM 15.00	Caj Maksima Sehari
6.	RM 2.00	Sabtu, Ahad (Sekali masuk / Sehari)
7.	RM 20.00	Denda Kehilangan Tiket
B. Pemegang Kad Sewa Bulanan		
1.	RM 60.00	Sewa Bulanan
2.	RM 50.00	Caj Kehilangan Kad Tempat Letak Kereta
C. Penyewa Auditorium / Bankuet		
1.	RM 500.00	Pukul / Caj dimasukkan di dalam bayaran sewaan

Sehubungan dengan itu juga, Pihak Majlis telah menyediakan 2 unit mesin bayaran automatik & Pelawat yang berurusan dengan pihak Majlis boleh membuat bayaran Tempat Letak Kereta di Mesin Bayaran Automatik yang disediakan di hadapan Pos Pengawal A Tingkat LG1.

1.0 PROFIL JABATAN

1.1 JUMLAH KAKITANGAN

BIL	JAWATAN	JUMLAH
1.	Ketua Jabatan	1
2.	Akauntan	4
3.	Pegawai Tadbir	1
4.	Penolong Pegawai Tadbir	5
5.	Penolong Akauntan	14
6.	Setiausaha Pejabat	1
7.	Pembantu Tadbir (Perkeranian Operasi)	30
8.	Pembantu Tadbir (Kewangan)	38
	Taman Wetland 1, Kota Kemuning	10 ekar
	Taman Wetland 2, Kota Kemuning	
	Kolam Takungan Banjir Kemuning Utama, Seksyen 33	15.9 ekar
	Kolam Tadahan Cahaya SPK, Seksyen U9	31.6 ekar
UTARA	Taman Central Park, Seksyen U13, Setia Alam	34.6 ekar
	Taman Rekreasi Southern Pond 1, Setia Alam	22.5 ekar
	Taman Rekreasi Southern Pond 2, Setia Alam	
	Taman Rekreasi Western Park, Setia Alam	22 ekar
	Taman Wetland Fasa D20, Sek. U8	3.145 ekar
	Taman Rekreasi Utara, Sek. U8	10.36 ekar
	Taman Rekreasi Selatan, Sek. U8	10.46 ekar

Berikut senarai taman awam baru di Denai Alam, Seksyen U16:

BIL	TAMAN AWAM	KELUASAN
1	Kawasan berlandskap Denai Damai Palma, Seksyen U16	8.81 ekar
2	Kawasan berlandskap Denai Damai Flora, Seksyen U16	14.66 ekar
3	Kawasan berlandskap Denai Damai Fauna, Seksyen U16	15.39 ekar
4	Kolam Tadahan B, Seksyen U16	8.62 ekar
5	Kolam Tadahan C, Seksyen U16	8.06 ekar
6	Kolam Tadahan D, Seksyen U16	8.45 ekar
7	Kawasan berlandskap di "Landskap Stream 1", Seksyen U16	1.59 ekar
8	Kawasan berlandskap di "Landskap Stream 2", Seksyen U16	7.69 ekar
9	Kawasan berlandskap di "Dry Stream 1", Seksyen U16	1.49 ekar
10	Kawasan berlandskap di "Dry Stream 2", Seksyen U16	0.5 ekar
11	Kawasan parit berlandskap, Seksyen U16	1.1 ekar

Beberapa projek dilaksanakan oleh Jabatan untuk menaiktaraf kemudahan di dalam Taman Tasik Shah Alam.

BIL	TAJUK PROJEK	KOS	TEMPOH
1	Kerja-kerja Membaikpulih Kualiti Air Tasik Shah Alam Memastikan tahap kualiti air tasik seksyen 14, Shah Alam sentiasa terkawal dan berada pada tahap Kelas IIB iaitu tahap selamat untuk rekreasi air	RM 4,886,988.00	1 Ogos 2016 hingga 31 Januari 2018
2	Kerja-kerja Penambahbaikan Laluan Pejalan Kaki dan Fasiliti serta Kerja-kerja yang Berkaitan Zon 1, Tasik Barat, Taman Tasik Shah Alam dari Laman Budaya hingga ke Wet World Shah Alam	RM 476,000.00	1 Oktober 2016 hingga 25 Februari 2018

Beberapa perancangan dilaksanakan oleh Jabatan untuk menaiktaraf kemudahan di dalam Taman Tasik Shah Alam.

BIL	JENIS KERJA	TUJUAN / LOKASI	KOS	TEMPOH
1	Pembaik pulihan Infrastruktur dan Fasiliti Tasik	Menaiktaraf 3 unit tandas awam di Taman Tasik Shah Alam; - Tandas Awam 06 (Berhampiran Kedai Kopi 1, Tasik Tengah) - Tandas Awam 11 (Berhampiran Laman Taj Mahal, Tasik Timur) - Tandas Awam 12 (Berhampiran Kedai Kopi 2, Tasik Timur)	RM 557,975.00	01 Januari 2017 hingga 29 Mei 2017
2	Kerja-kerja Penambahbaikan Laluan Pejalan Kaki dan Fasiliti serta Kerja-kerja yang Berkaitan	Zon 1, Tasik Barat, Taman Tasik Shah Alam dari Laman Budaya hingga ke Wet World Shah Alam	RM 476,000.00	05 Oktober 2016 hingga 25 Februari 2017



Penaburan "Functional Microbe" dan "Eko-Klean Flocculant"



Kerja-kerja menaiktaraf tandas awam di Taman Tasik Shah Alam



Kerja-kerja Penambahbaikan Laluan Pejalan Kaki dan Fasiliti di Taman Tasik Shah Alam

2.1.3 UNIT PANGKASAN

Unit Pangkasan masih mengekalkan 2 'team' pangkasan 'in-house' dengan tenaga kerja seramai 10 orang bagi melaksanakan kerja-kerja pemangkasan mata tunas.


Lain-lain kerja pangkasan pokok besar yang agak kritikal dilaksanakan melalui pelantikan kontraktor yang menunjukkan peningkatan sebanyak 8 kawasan kontraktor.

TAHUN	JUMLAH KONTRAK
2015	15
2016	23

Bilangan pokok yang diselenggara pada tahun 2016 adalah sebanyak 30,085 di mana 27,154 pokok dipangkas dan selebihnya 2,931 pokok ditebang.

BIL	PERKARA	TAHUN		
		2014	2015	2016
1	Bilangan Pokok Diselenggara	32,181	33,430	30,085
2	Bilangan Pokok Dipangkas	28,394	30,632	27,154
3	Bilangan Pokok Ditebang	3,787	2,798	2,931

CARTA PENYELENGGARAAN POKOK TAHUN 2014-2016



Bagi memastikan prestasi kerja kontraktor yang baik, satu kursus melibatkan kontraktor-kontraktor pangkasan pokok telah dianjurkan pada 8 September 2016.



Kursus anjuran jabatan melibatkan kontraktor-kontraktor pangkasan pada 8 September 2016 bertempat di Pejabat Cawangan Setia Alam, MBSA

2.1.4 UNIT TAMAN PERMAINAN DAN PADANG BOLA

Unit ini menyelia 690 unit taman permainan yang terdiri daripada:

BIL	UNIT	JUMLAH
1	Padang Bola	74
2	Taman Permainan & Kawasan Rekreasi	616

Penyeliaan terhadap 50 pemborong melibatkan kos penyelenggaraan tahunan selama 2 tahun berjumlah RM 13,116,332.50. Antara kerja-kerja penyelenggaraan adalah:

- Pemotongan rumput
- Penyelenggaraan pokok
- Pembersihan longkang
- Pembersihan kawasan
- Penyelenggaraan alatan permainan
- Pembuangan sampah
- Padang bola
- Padang permainan dan fasiliti

Berikut adalah kerja-kerja yang dikeluarkan oleh unit ini:

BIL	JENIS KERJA	KOS	TEMPOH
1	Kerja-kerja Membaiki Alatan Permainan dan Padang Bola serta Kerja-kerja Menambak Pasir, Tanah, Rumput, Tiang Gol dan Garisan Padang Bola.	RM300,000.00	Januari-Disember 2016

Lain-lain penyelenggaraan secara 'in-house' adalah pembaikan alatan permainan seperti mengganti rantai dan pelapik buaian, membuang alatan rosak dan mengecat alatan permainan.



Kerja-kerja membina Gelanggang Futsal Berumput

2.1.5 UNIT TAPAK SEMAIAN

Unit Tapak Semaian pada tahun 2016 menyelia sebanyak dua (2) buah tapak semaian Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) di Seksyen 17 dan Seksyen U15 serta satu (1) transit nurseri Shah Alam di Seksyen 7.

Sejumlah 46,341 pokok telah dikeluarkan oleh unit tapak semaian pada tahun 2016.



Kerja-kerja hiasan adalah antara aktiviti yang dilaksanakan oleh Unit Hiasan Tapak Semaian.



Pelbagai jenis pokok terdapat di tapak semaian antaranya pokok teduhan, pokok hiasan dan pokok buah-buahan.

2.2 SEKSYEN PEMBANGUNAN LANDSKAP

2.2.1 UNIT KAWALAN PEMBANGUNAN LANDSKAP

Nilai kutipan dari Unit Kawalan Pembangunan Landskap ialah sebanyak RM 735,640.30 dengan 101 permohonan yang diterima dan diluluskan sepanjang tahun 2016.

Jadual menunjukkan Senarai Penerimaan Memproses Pelan Landskap, Lawatan Tapak, Mesyuarat Jawatankuasa dan Bayaran Tahun 2016:

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	Memproses Pelan Landskap	101 Permohonan
2	Membuat Lawatan Tapak Pra-Penanaman	13 Lawatan
3	Membuat Lawatan Tapak Penyerahan Kawasan	23 Lawatan
4	Mesyuarat Pre-J/Kuasa Kerja Pengindahan Bandar	11 Kali
5	Mesyuarat J/Kuasa Kerja Pengindahan Bandar	11 Kali
6	Mesyuarat J/Kuasa Pengindahan Bandar	11 Kali
7	Bayaran Memproses Pelan Landskap	RM 50,300.00
8	Bayaran Sumbangan Anggerik	RM 271,711.18
9	Bayaran Ketidak Patuhan Perimeter Planting	RM 231,859.12
10	Bayaran Caj Penanaman Pokok Oleh Pemaju	RM 181,770.00

2.2.2 UNIT REKABENTUK DAN PROJEK LANDSKAP

Jabatan Landskap di bawah Unit Rekabentuk dan Projek Landskap melaksanakan kerja-kerja perancangan, pengurusan dan pembangunan projek landskap melalui penyediaan perincian dan pelan induk, pembentangan grafik serta penyeliaan projek.

Antara projek landskap Majlis dibawah Unit Rekabentuk dan Projek Landskap ini adalah:

BIL	JENIS KERJA	LOKASI	KOS
1	Kerja-kerja menaiktaraf laluan pejalan kaki di taman-taman permainan Shah Alam	Taman permainan di Seksyen 7, 19, 18 dan U2, Shah Alam	RM 328,800.00

2	Pembangunan Padang Cergas di Shah Alam	12 lokasi Padang Cergas Fasa kedua di 6 kawasan DUN iaitu Kota Anggerik, Batu Tiga, Sri Muda, Paya Jaras, Kota Damansara dan Sri Andalas.	RM 760,444.00
3	Kerja-kerja pembekalan tong sampah di taman-taman permainan	Membekal dan memasang 600 unit tong sampah di taman permainan seluruh Shah Alam.	RM 501,081.78
4	Kerja-kerja pembinaan pagar perimeter Taman Tasik Shah Alam	Penyambungan binaan pagar di Tasik Barat, Taman Tasik sehingga ke Antan Batura. Pemasangan pagar perimeter sepanjang 1.2 km dari Restoran Antan Batura hingga ke Pentas Laman Budaya	RM 501,081.78
5	Kerja-kerja merekabentuk - Projek Pengindahan Landskap Pusat Bandar Shah Alam	Menaiktaraf landskap: - Lereng Syabas, Seksyen 12. - Bulatan Kayangan dan Bulatan Sukan. - Pusat Bandar dan Simpang Strategik. - Persiaran Hishamuddin dan Persiaran Sukan.	RM 574,128.00



Imej laluan pejalan kaki di taman permainan yang telah siap.




Pembangunan Padang Cergas Shah Alam melibatkan pembinaan 1 unit wakaf, 5 unit kerusi taman, 1 set alatan mainan bersepadu, 5 unit 'outdoor gym' dan 1 unit lampu solar serta papan tanda Padang Cergas.



Gambar pembekalan tong sampah yang siap di pasang di tapak.



Gambar paqar yang telah siap di tapak.



Lukisan cadangan landskap di lereng syabas dan bulatan sukan

2.3 PROGRAM INISIATIF HIJAU JABATAN LANDSKAP TAHUN 2016

Sepanjang tahun 2016, pihak jabatan telah melaksanakan lapan (8) program kehijauan dibawah Inisiatif Hijau Shah Alam (IHSAM):

- 'Shah Alam Trees for Life'
- Kebun Komuniti Shah Alam
- Laman Komuniti Shah Alam
- Perintis Hijau Shah Alam
- Dusun@My Sekolah Shah Alam
- Inventori Pokok Dusun@My Sekolah
- Kompos Shah Alam
- Pameran Orkid Asean Shah Alam 2016

2.3.1 SHAH ALAM TREES FOR LIFE

Program penanaman pokok yang bertujuan untuk mewujudkan jajaran hijau di Shah Alam serta menanam semangat kecintaan kepada kehijauan alam sekitar.

Tahun 2016 menyaksikan penglibatan para sukarelawan melalui 11 program yang telah dijalankan. Sebanyak 8,191 pokok telah ditanam oleh 2,218 sukarelawan. Program ini juga melibatkan kerjasama korporat agensi kerajaan dan swasta sebagai penaja.

Berikut senarai program yang telah dilaksanakan:

BIL	LOKASI PROGRAM	TARIKH	BIL. POKOK	BIL. SUKA-RELANAN	PENAJA
1	Bulatan Setiajasa, Seksyen 14	23 Jan 2016	480	283	Monash University (RM 6,720.00)
2	Dataran Kemerdekaan, Seksyen 14	5 Mac 2016	900	208	TM Selangor (RM 3,000.00)
3	Padang Bola Jalan Ambar 7/16, Seksyen 7	9 Apr 2016	1,000	123	-
4	Tasik Permai (i-City), Seksyen 7	28 Mei 2016	1,000	220	-
5	Taman Lembah Bukit SUK, Seksyen 5	20 Ogos 2016	540	205	UMW Corporation (RM 10,000.00)
6	Taman Tasik Kota Kemuning, Seksyen 31	20 Ogos 2016	100	244	Panasonic Management (M) Sdn Bhd (RM 10,000.00)
7	Persiaran Selangor, Seksyen 15, Shah Alam	3 Sept 2016	1,000	208	Toyota Assembly Sdn Bhd (RM 10,000.00), Cummins Scott & English Malaysia Sdn Bhd (RM 2,000.00)
8	Bulatan Jubli Perak, Seksyen 24, Shah Alam	15 Okt 2016	1,150	211	Projek Lintasan Kemuning-Shah Alam (LKSA) (RM 15,000.00)
9	Central Park Setia Alam, Seksyen U13, Shah Alam	3 Dis 2016	1,000	197	TNB Malaysia (RM 60,000.00)
10	Rumah Kasih Harmoni, Paya Jaras Dalam, Seksyen U19	10 Dis 2016	181	100	-
11	Western Park Setia Alam, Seksyen U13	17 Dis 2016	1,000	328	Canon Marketing (RM 30,000.00)
JUMLAH			8,351	2,327	RM 146,720.00





Program Shah Alam Trees for Life pada tahun 2016 dilaksanakan sebanyak 11 kali melibatkan penanaman sebanyak 8,351 pokok oleh 2,327 orang sukarelawan

2.3.2 KEBUN KOMUNITI SHAH ALAM

Program Pertanian Bandar Shah Alam merupakan satu agenda nasional untuk mengurangkan kadar kemiskinan bandar dan krisis makanan bandar di negara membangun disamping meningkatkan tahap keselamatan makanan (food security).


Objektif program adalah untuk:

- memaksimumkan penggunaan tanah-tanah terbiar/rekreasi.
- mewujudkan ruang untuk menggalakkan aktiviti riadah, interaksi sosial dan mengeratkan silaturrahim.
- mendapatkan hasil tanaman daripada titik peluh dan usaha sendiri.

Senarai Lokasi Kebun Komuniti Shah Alam 2016:

BIL	LOKASI	LUAS	BILANGAN BATAS
1	Jalan Jaluran 8/3, Seksyen 8(Fasa II)	5 ekar	138 batas
2	Jalan Selasih U12/13, Seksyen U12	1 ekar	97 batas
3	Jalan Jasper 7/15, Seksyen 7	0.5 ekar	60 batas
4	Flat PKNS, Jalan Selar 17/26, Seksyen 17	0.3 ekar	26 batas
5	Jalan Pedati Satu 19/13A, Seksyen 19	0.6 ekar	120 batas
6	Jalan Tuntung Satu 20/11A, Seksyen 20	2.6 ekar	63 batas
7	Jalan Kangkung Puteri 24/7, Seksyen 24	0.35 ekar	22 batas
8	Flat Proton, Seksyen 27	0.5 ekar	72 batas
9	Jalan Nova U5/57-U5/62, Seksyen U5	1 ekar	61 batas

Proses Pembangunan Komuniti Shah Alam



Mesyuarat dan lawatan tapak bersama Ahli Majlis MPP Zon 6, Encik Abdul Halim bin Omar dan Pengerusi Persatuan Penduduk, Hj Yusof Musbah



Proses pembangunan tapak Kebun Komuniti Shah Alam



Sebanyak 9 lokasi Kebun Komuniti Shah Alam berjaya dibangunkan pada tahun 2016

2.3.3 LAMAN KOMUNITI SHAH ALAM 2016

'Laman Komuniti Shah Alam 2016' merupakan satu pertandingan landskap komuniti di kawasan kejiranan Shah Alam. Pertandingan ini terbuka kepada semua persatuan penduduk kawasan perumahan di seluruh seksyen (50 seksyen kediaman) di Shah Alam dengan penglibatan bersama kesemua 24 MPP Zon di Shah Alam.

Objektif program ini adalah untuk:

- menyemai dan memupuk kesedaran di kalangan komuniti setempat dalam usaha untuk mencantikkan lorong-lorong/jalan-jalan di kawasan kediaman.
- memupuk budaya hidup bermasyarakat dan semangat kejiranan.
- menyemai rasa 'sense of pride' terhadap kebersihan, keceriaan dan kehijauan kawasan kejiranan.
- meningkatkan semangat interaksi sosial di kalangan penduduk/komuniti.

Pertandingan yang berlangsung selama 6 bulan ini bermula pada Jun 2016 sehingga Disember 2016 melibatkan penyertaan oleh 14 Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon Shah Alam. Terdapat 2 kategori iaitu:

KATEGORI PERSATUAN PENDUDUK / KUMPULAN KOMUNITI	KATEGORI INDIVIDU/ 'HALAMAN CANTIK RUMAH INDIVIDU'
5 penyertaan bagi setiap MPP dan dinilai melalui proses saringan	• Penyertaan oleh ahli persatuan penduduk yang menyertai • Pertandingan 'Laman Komuniti Shah Alam 2016'. • Jenis kediaman yang dipertandingkan adalah kediaman jenis teres, banglo, semi-D/berkembar/kluster/lot tepi dan juga rumah tradisional. • Kawasan pertandingan merangkumi ruang landskap di dalam kawasan kediaman termasuklah laman depan rumah, tepi rumah, belakang rumah.

Kriteria pertandingan Laman Komuniti Shah Alam adalah:

- Kawasan pertandingan kawasan hijau/rizab jalan, taman permainan, jalan/lorong depan, tepi atau belakang rumah serta rizab sungai atau parit.
- Keluasan kawasan 1.0 hingga 2.0 ekar
- Penyelenggaraan penyelenggaraan dijalankan sepenuhnya oleh komuniti setempat secara bekerjasama dan bergotong-royong secara berjadual dari peringkat persiapan tapak, penanaman pokok/penyemaian biji benih, sehinggalah ke peringkat penyelenggaraan seperti penyiraman, pembajaan dan penggemburan seterusnya ke peringkat penuaian hasil.
- Pelan Tindakan Komuniti pembentukan Jawatankuasa Induk Komuniti melalui perlantikan Ketua, Penolong Ketua dan lain-lain ahli jawatankuasa (ajk) berkaitan bagi setiap kawasan kejiranan.
- Penglibatan Badan Berkepentingan (Stakeholder) Majlis Perwakilan Penduduk (MPP), badan-badan korporat dan NGO, agensi kerajaan dan swasta, institusi pendidikan (universiti awam/swasta, kolej, sekolah), institusi keagamaan (surau, masjid, rumah ibadat), kilang-kilang, pemaju perumahan dan sebagainya.



Di antara penyertaan oleh persatuan penduduk/kumpulan komuniti dalam pertandingan Laman Komuniti Shah Alam 2016

2.3.4 PERINTIS HIJAU SHAH ALAM 2016

Program Mampan-Pendidikan, Perintis Hijau Shah Alam diteruskan lagi pada tahun 2016 dengan pelaksanaan sebanyak tiga (3) siri program pada 30 Mac, 18 Mei dan 28 September 2016. Sebanyak 39 buah sekolah hadir menjayakan program ini dengan penglibatan seramai 156 orang murid dan 39 orang guru pengiring.

Program yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada anak-anak sekolah rendah tentang tanggungjawab kepada alam sekitar ini telah dilaksanakan di 2 buah lokasi iaitu:

- Sesi Pertama di Tapak Semaian MBSA, Seksyen 17
 - Pengenalan kepada Tapak Semaian & Fungsi
 - Pengenalan kepada Kompos
 - Kempen Kawalan Denggi
- Sesi Kedua di Laman Taj Mahal, Taman Tasik Shah Alam
 - Taman Tasik Shah Alam – Dulu & Kini
 - Kepentingan Taman-taman Awam
 - Program Kitar Semula (Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam, MBSA)
 - Pendedahan Kepada Alam Semulajadi (Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), En. Azahari bin Mohd Yusof (Program Eko-Pelancongan).

Program ini turut menarik minat badan-badan korporat untuk menjadi rakan kongsi utama seperti Syarikat CCM Fertilizers (M) Sdn. Bhd. yang menaja sebanyak 300 unit/pek baja setiap tahun. Kos perbelanjaan program adalah sebanyak RM 7,050.00 bagi setiap siri program, menjadikan kos keseluruhan adalah sebanyak RM 21,150.00 setahun.



Peserta program berpeluang menyertai pertandingan mewarna sempena Pameran Anggerik Asean Shah Alam 2016 yang diadakan di Laman Budaya, Taman Tasik Shah Alam.



Sesi amali pendedahan dan pengenalpastian pokok-pokok yang merbahaya (kiri) dan pembiakan pokok bunga ornamental & hiasan (kanan) oleh Penolong Pegawai Pertanian MBSA kepada peserta program



Peserta dan guru seronok dapat mempelajari teknik/kaedah membuat tanah campuran dan aktiviti penyemaian biji benih dan pokok hiasan renek.

2.3.5 DUSUN@MY SEKOLAH SHAH ALAM 2016

Program bermatlamat untuk mendidik generasi muda mengenali dan mencintai alam sekitar dan kehijauan, disamping mewujudkan ruang pembelajaran yang kondusif.

Tahun 2016 melibatkan penyertaan sebanyak 16 buah sekolah, 404 pokok buah-buahan dan seramai 839 orang pelajar.

BIL	NAMA SEKOLAH	BILANGAN POKOK	BILANGAN PELAJAR
1	SK Taman Sri Muda, Seksyen 25	27	40
2	SK Taman Sri Muda 2, Seksyen 25	36	72
3	SMK Taman Sri Muda, Seksyen 25	45	180
4	SRA Al-Falah Tmn Sri Muda, Sek.25	10	50
5	SMK TTDI Jaya, Seksyen U2	14	100
6	SRA Taman TTDI Jaya, Seksyen U2	12	30
7	SK Subang Bestari, Seksyen U5	20	38
8	SMK Subang Bestari, Seksyen U5	40	80
9	SK Seksyen 17	26	110
10	SK Seksyen 24	32	32
11	SMK Seksyen 24	18	12
12	SMK Seksyen 24(2)	24	25
13	SK Jalan Kebun, Seksyen 30	24	24
14	SRA Jalan Kebun, Seksyen 30	16	10
15	SMK Jalan Kebun, Seksyen 32	36	11
16	SK Bukit Naga, Seksyen 32	24	25
JUMLAH		404	839



2.3.6 AUDIT POKOK DUSUN@MY SEKOLAH

Program audit pokok Dusun@My Sekolah adalah bertujuan untuk mengenalpasti bilangan pokok semasa dan tahap kesuburan pokok-pokok tersebut.

Sebanyak 4 siri audit pokok telah dijalankan pada tahun 2016 melibatkan penanaman 1570 pokok buah-buahan melalui Program Dusun@My Sekolah dari tahun 2013 sehingga tahun 2015.

Seramai 2 orang ahli panel landskap dari Jawatankuasa Pengindahan Bandar Majlis Bandaraya Shah Alam dilantik menjadi auditor untuk Program Inventori Pokok Dusun@My Sekolah. Panel tersebut adalah:

- Encik Azaruddin bin Mohd Noor (FRIM)
- Encik Azmir Firdaus bin Zamzuri (Jabatan Pertanian Negeri Selangor)

Berikut senarai sekolah-sekolah yang terlibat:

SIRI	TARIKH	SEKOLAH
Siri 1	6 September 2016	• SMK Sultan Salahuddin Abd Aziz Shah (SSAAS), Seksyen 2 • SK Raja Muda, Seksyen 4 • Sekolah Rendah Agama, Seksyen 3 • SK Seksyen 9 • SMK Seksyen 9 • SK Bandar Anggerik, Seksyen 6
Siri 2	20 September 2016	• SK Bukit Jelutong, Seksyen U8 • SMK Bukit Jelutong, Seksyen U8 • SMK Shah Alam, Seksyen U8 • SK TTDI Jaya, Seksyen U2 • SK Subang, Seksyen U6 • SMK Subang, Seksyen U6
Siri 3	18 Oktober 2016	• SK Seksyen 27 (1), Seksyen 27 • SJKT Hicom, Seksyen 27 • SK Taman Alam Megah, Seksyen 28 • SK Seksyen 27 (2), Seksyen 27 • SK Subang Bestari (2), Seksyen U5
Siri 4	22 November 2016	• SK Shah Alam, Seksyen 16 • SMK Seksyen 16, Seksyen 16 • SMK Seksyen 19, Seksyen 19 • SRA Integrasi, Seksyen 19 • SK Setia Alam, Seksyen U13 • SMK Setia Alam, Seksyen U13



Secara keseluruhannya, terdapat 4 buah sekolah yang mencapai peratus pokok hidup yang tinggi iaitu 80-100%. 5 buah sekolah untuk peratus 60-70%, 11 buah sekolah untuk peratus 40-59% dan 3 buah sekolah yang selebihnya hanya mencapai 20-39% pokok hidup dari keseluruhan jumlah pokok yang telah ditanam.

2.3.7 KOMPOS SHAH ALAM

Program Kompos Shah Alam telah dimulakan pada September 2011 terletak di Pusat Kompos Shah Alam yang pada asalnya ialah Pusat Kitar Semula di Seksyen 17.

Objektif program ini adalah untuk mengguna semula sumber semulajadi dari dibuang dan dibazirkan ke tapak pelupusan sampah. Kompos Shah Alam terhasil dari sisa kebun kerja-kerja.

Penyelenggaraan landskap di Shah Alam seperti sisa cantasan pokok, sisa potongan rumput dan daun kering.

Pada tahun 2016, majlis telah membeli sebuah mesin penapis kompos (rekaan tempatan) berharga RM 85,000.00 yang mampu untuk meningkatkan hasil kompos sehingga 4 tan sehari.

Berikut ialah rekod pengumpulan sisa kebun dan hasil kompos mengikut tahun:

TAHUN	SISA KEBUN (Tan)	KOMPOS (Tan)
2012	27	5
2013	148	24
2014	108	66
2015	244	100.8
2016	213	126
JUMLAH	740	321.8

Sepanjang lima tahun perlaksanaan program, sebanyak 740 tan sisa kebun yang telah dihantar ke pusat kompos dan 321.8 tan kompos telah dihasilkan dan digunakan semula sebagai salah satu medium penanaman dan bahan untuk memperbaiki struktur tanah di Shah Alam.



Mesin penapis kompos berharga RM 85,000.00 dan mampu meningkatkan hasil kompos sehingga 4 tan sehari



Kompos yang dihasilkan digunakan semula untuk program-program Inisiatif Hijau Jabatan dan untuk jualan

2.3.8 PAMERAN ORKID ASEAN SHAH ALAM 2016

Pameran Orkid Asean Shah Alam 2016 telah berlangsung pada 18hb Mei hingga 22hb Mei 2016. Pameran bertempat di Laman Budaya, Taman tasik Shah Alam dan mempamerkan koleksi anggerik negara Malaysia dan negara-negara luar seperti Singapura, Indonesia, Filipina dan Thailand.

Antara Pengisian Program adalah:

- Pameran Orkid Asean
- Pameran Setem
- Pertandingan Fotografi Orkid
- Demonstrasi Hiasan Orkid
- Pertandingan Melukis (Sekolah-sekolah Shah Alam)
- Pertandingan Mewarna (Sekolah-sekolah Shah Alam)
- 'Orchid Painting' by UiTM
- Mencanting batik Orkid
- Jualan, batik dan lukisan Orkid

Antara badan-badan swasta dan kerajaan yang menyertai pameran dan jualan:

- Kelab Anggerik Shah Alam (KASAS)
- Persatuan Anggerik Malaysia
- Orchid Growth Association of Malaysia
- Jabatan Pertanian Malaysia
- Universiti Putra Malaysia (UPM)
- MARDI
- UiTM
- ILAM
- Tourism Selangor.

Program turut menerima sebahagian tajaan dari pihak JAKEL, SIME DARBY, SP SETIA SDN BHD, PKNS & KWASALAND SDN BHD. Purata kos keseluruhan pameran adalah sebanyak RM 150,000.00.



Gambar sekitar Pameran Orkid Asean Shah Alam yang berlangsung di Taman Tasik Shah Alam

3.0 PENCAPIAN

3.1 PERTANDINGAN PERTANIAN BANDAR 2016


Kategori Perumahan Komuniti Peringkat Lembah Klang Sempena MAHA/HPPNK 2016 (Tempat Ketiga, Kebun Komuniti Seksyen 20, Shah Alam)



3.2 PENGHARGAAN PELAKSANAAN INISIATIF PEMBANGUNAN KEJIRANAN HIJAU TAHUN 2016

- Pembangunan Kebun Kejiranan (Kategori Bandaraya)
- Program Pengkomposan Sisa (Kategori Bandaraya)





MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

56

Jabatan
Pelesenan

61

Jabatan
Kesihatan
Persekitaran

64

Jabatan
Bangunan

LAPORAN

2021

1.0 PROFIL

WARAN JABATAN

BIL	JAWATAN	GRED	JUMLAH KAKITANGAN
1	Pegawai Tadbir	N52	1
2	Pegawai Tadbir	N48	1
3	Pegawai Tadbir	N44	2
4	Pegawai Tadbir	N41	3
5	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran	U29	4
6	Penolong Pegawai Tadbir	N29	7
7	Setiausaha Pejabat	N29	1
8	Pembantu Tadbir (P/O)	N22	1
9	Pembantu Tadbir (P/O) KUP	N22	3
10	Pembantu Tadbir (P/O)	N19	16
11	Pembantu Tadbir (P/O) KUP	N19	1
12	Pembantu Operasi	N11	1
13	Pembantu Tadbir Rendah (Pembaca Meter)	N11	1
JUMLAH			42

WARAN JABATAN LAIN

BIL	JAWATAN	GRED	JUMLAH KAKITANGAN
1	Pembantu Penguatkuasa	KP22	3
2	Pembantu Penguatkuasa	KP19	5
3	Pemandu Kenderaan	H11	2
JUMLAH			12

1.1 SEKSYEN/ UNIT

Jabatan Pelesenan bertanggungjawab menguruskan pengeluaran lesen secara efisien bagi meningkatkan hasil Majlis dan menyediakan peluang-peluang perniagaan kepada peniaga-peniaga kecil yang berdaya maju. Jabatan ini terbahagi kepada;

- Seksyen Komposit
 - Unit Tred Perniagaan & Perindustrian
 - Unit Permit/ Pelbagai Lesen
 - Unit Pentadbiran & Pengurusan Cagaran
 - Unit Hiburan, Lesen 1 Jam & Pelbagai Lesen
 - Unit Iklan
- Seksyen Penjaja
 - Unit Gerai dan Pasar, Kutipan & Pengurusan Cagaran
 - Unit Pasar Malam/ Pagi & Permit
- Unit Pentadbiran

1.2 FUNGSI JABATAN

- Menguruskan pengeluaran lesen dan permit.
- Menguruskan penyewaan premis (kiosk, pasar dan gerai)
- Melaksanakan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan Majlis
- Menguruskan hal ehwal pentadbiran Jabatan Pelesenan

2.0 LAPORAN PENCAPAIAN TAHUNAN

2.1 LAPORAN PENGELUARAN LESEN

Pada tahun 2016, sebanyak 3,366 permohonan lesen telah diluluskan iaitu peningkatan sebanyak 15.3% berbanding tahun sebelumnya seperti berikut :

BILANGAN LESEN YANG DILULUSKAN TAHUN 2015 DAN 2016

JENIS LESEN	BIL. LESEN LULUS	
	2015	2016
Perindustrian	585	732
Perniagaan	1,323	1,457
Tempat Pengendali Makanan/Restoran	421	409
Tadika/Taska/Taski	32	30
Pembuangan Sampah	3	15
Hiburan	4	7
Iklan	127	213
Anjing	78	55
Gerai/Kiosk Majlis	92	108
Pasar Majlis	22	39
Pasar Malam/Pasar Pagi/Penjaja Sementara	232	301
JUMLAH	2,919	3,366

BILANGAN LESEN YANG DILULUSKAN TAHUN 2015 DAN 2016




Sehingga tahun 2016, jumlah lesen terkumpul yang telah dikeluarkan/ diluluskan adalah sebanyak 31,806. Ringkasannya dan perbandingan peraturan mengikut jenis lesen adalah seperti di bawah :

BILANGAN LESEN YANG DILULUSKAN TAHUN 2015 DAN 2016

JENIS LESEN	BIL. LESEN TERKUMPUL 2016	PERATUS (%)
Perindustrian	7,285	22.9
Perniagaan	11,171	35.1
Tempat Pengendali Makanan/Restoran	2,296	7.2
Tadika/Taska/Taski	278	0.9
Pembuangan Sampah	95	0.3
Hiburan	62	0.2
Iklan	1,534	4.8

Anjing	718	2.3
Gerai/Kiosk Majlis	1,811	5.7
Pasar Majlis	548	1.7
Pasar Malam/ Pasar Pagi/Penjaja Sementara	6,008	18.9
JUMLAH	31,806	100.00

PERATUSAN BILANGAN LESEN TERKUMPUL SEHINGGA TAHUN 2016



2.2 SEKSYEN PENGURUSAN HARTA/FASILITI

2.2.1 FUNGSI SEKSYEN PENGURUSAN HARTA

Pada tahun 2016 jumlah keseluruhan kutipan lesen adalah sebanyak RM15,942,825.15 juta yang terdiri dari kutipan lesen industri, perniagaan, iklan, penyediaan tempat makanan, hiburan, pusat asuhan kanak-kanak, gerai/pasar Majlis, pelbagai permit, dan pelbagai lesen. Keseluruhan kutipan lesen dan permit tahun 2016 telah meningkat sebanyak RM230,542.72 atau 1.47% dari tahun 2015.

KUTIPAN LESEN DAN PERMIT TAHUN 2015 DAN 2016


BIL	PERKARA	2015	2016
1	Industri	5,422,309.40	5,878,102.70
2	Perniagaan	3,454,799.77	3,780,994.04
3	Iklan	1,873,876.86	2,074,641.94
4	Penyediaan Tempat Makanan	710,420.00	764,500.00
5	Hiburan	326,180.00	436,440.00
6	Pusat Asuhan Kanak-Kanak	32,100.00	40,350.00
7	Gerai/Pasar Majlis	420,373.85	35,141.42
8	Pelbagai Permit	3,256,702.55	2,690,630.05
9	Pelbagai Lesen	215,520.00	242,025.00
JUMLAH		15,712,282.43	15,942,825.15

Meningkat
RM 230,542.72
1.47%



Kutipan hasil lesen menunjukkan peningkatan peratusan yang tinggi pada akhir tahun dan awal tahun kerana kebanyakan lesen yang tamat pada 31 Disember 2016 akan memperbaharui lesen pada bulan Oktober, November, Disember tahun semasa dan bulan Januari tahun berikutnya.

Ini berdasarkan trend peningkatan hasil lesen bagi tempoh suku tahun ke-4 tahun 2016 (bulan Oktober hingga Disember) dengan jumlah kutipan sebanyak RM 9,211,433.19 seperti dibawah.



2.2.2 HASIL BAYARAN PERKHIDMATAN, PELBAGAI JUALAN DAN DENDA LEWAT

Kutipan bagi hasil-hasil lain adalah sebanyak RM3,080,797.83 juta yang terdiri daripada bayaran perkhidmatan, pelbagai jualan dan denda/caj lewat.

KUTIPAN LESEN DAN PERMIT TAHUN 2015 DAN 2016

BIL	PERKARA	2015	2016
1	Bayaran Perkhidmatan	2,012,426.90	2,640,778.41
2	Pelbagai Jualan	351,905.80	363,514.20
3	Denda/Caj Lewat	68,181.56	76,505.22
JUMLAH B		2,432,514.26	3,080,797.83

Meningkat
RM648,283.57
26.65%



2.2.3 HASIL SEWAAN

Selain itu, Jabatan Pelesenan juga dipertanggungjawabkan untuk mengurus penyewaan Gerai, Pasar, Kiosk dan Tapak Penjaja Majlis Bandaraya Shah Alam. Hasil kutipan sewaan yang berjaya dikutip bagi premis dan tapak Majlis berikut adalah seperti di bawah.

BIL	PERKARA	2015	2016
1	Medan Selera	89,795.40	141,054.30
2	Gerai	1,291,164.90	1,342,235.60
3	Pasar	827,651.51	1,169,870.83
4	Kiosk	173,940.20	179,931.00
5	Sewa Tapak Penjaja	180,547.00	432,913.80
JUMLAH C		2,563,099.01	3,266,005.53

Meningkat
RM702,906.52
27.42%




2.2.4 RUMUSAN KUTIPAN HASIL JABATAN

Secara keseluruhannya, prestasi kutipan hasil bagi tahun 2016 menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2015 iaitu sebanyak 7.1%.

BILANGAN LESEN YANG DILULUSKAN TAHUN 2015 DAN 2016

HASIL LESEN (RM)		PERATUS KUTIPAN (%)		PENINGKATAN HASIL 2016 (RM)	PERATUS PENINGKATAN HASIL 2016 (%)
2015	2016	2015	2016		
20,707,895.70	22,289,628.51	80.65%	80.58%	1,581,732.81	7.1%

GRAF PERBANDINGAN HASIL LESEN 2015 DAN 2016

2.3 PENGHANTARAN NOTIS PEMBAHARUAN LESEN 2017

Sebanyak 16,029 Notis Pembaharuan Lesen telah dikeluarkan sepanjang tahun 2016. Notis pembaharuan ini dikeluarkan tiga (3) bulan sebelum tarikh tamat lesen.

Pembaharuan lesen boleh dibuat untuk tempoh satu (1), dua (2) atau tiga (3) tahun bagi lesen-lesen perniagaan yang tidak berisiko. Contoh Notis Pembaharuan Lesen 2017 adalah seperti di bawah.


NOTIS PEMBAHARUAN LESEN 2017

Bagi melancarkan proses pembaharuan lesen tahun 2017, Jabatan mengambil inisiatif untuk menyediakan kaunter pembaharuan lesen di tiga (3) kompleks membeli belah di Shah Alam. Kaunter bayaran pembaharuan lesen telah bermula pada 15 November 2016 dan berakhir pada 7 Disember 2016. Hasil kutipan yang diterima adalah sebanyak RM52,047.30.

HASIL KUTIPAN KAUNTER PEMBAHARUAN LESEN 2017 DI KOMPLEKS MEMBELI BELAH


BIL	PASARAYA	KUTIPAN (RM)
1	Giant Sek.13	37,971.30
2	Kompleks Sg.Buluh Sek.U20	12,872.80
3	Setia City Mall Sek. U13	1,203.20
JUMLAH		52,047.30

2.4 LESEN 1 JAM

Sehingga kini terdapat 90 aktiviti lesen yang boleh diluluskan dalam masa 1 jam. Jumlah lesen 1 jam terkumpul yang telah diluluskan sehingga Disember 2016 adalah sebanyak 2,435 seperti berikut:

BILANGAN LESEN 1 JAM TERKUMPUL TAHUN 2011 HINGGA 2016

BULAN/TAHUN	BILANGAN LESEN 1 JAM
(14/9-31/12/2011)	79
2012	530
2013	406
2014	563
2015	437
2016	420
JUMLAH	2,435

BILANGAN LESEN 1 JAM MENGIKUT TAHUN

2.5 LAPORAN KUTIPAN KAUNTER BERGERAK

Kaunter Bergerak secara berjadual telah memudahkan peniaga membuat bayaran sewaan dan utiliti kepada pihak Majlis serta banyak membantu mengurangkan tunggakan dan meningkatkan hasil Majlis. Berikut adalah jumlah kutipan yang dibuat melalui Kaunter Bergerak di tapak sepanjang tahun 2016:

JUMLAH KUTIPAN KAUNTER BERGERAK TAHUN 2015 DAN 2016

PERKARA	JUMLAH KUTIPAN (RM) 2015	JUMLAH KUTIPAN (RM) 2016
Gerei	335,454.70	330,629.29
Pasar	299,985.23	334,924.29
Kiosk	6,491.00	9,137.00
Medan Selera	36,438.30	25,286.40
JUMLAH	678,369.23	699,976.98

Meningkat
RM21,607.75
3.19%

**2.6 LAPORAN OPERASI PENJAJA**

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 105 kali operasi telah dijalankan bersama anggota penguatkuasa bagi menjalankan pemeriksaan:

- Pembaharuan Lesen
- Pematuhan Lesen
- Kebersihan Tapak
- Penguatkuasaan Tanpa Lesen/ Permit

JUMLAH OPERASI PENJAJA TAHUN 2016

PERKARA	BIL. OPERASI
Pasar Malam	32
Pasar Pagi	8
Bazarena	12
Pusat Membeli Belah	12
JUMLAH	105

**2.7 LAPORAN PENGELUARAN PERMIT BAZAR RAMADAN MBSA 2016/ 1437H**

Pada tahun 2016, Jabatan telah memproses permohonan permit sebanyak 2,418 unit tapak Bazar Ramadan dengan jumlah hasil kutipan permit yang berjaya dikutip sebanyak RM345,498.98 bagi tapak Majlis/ JKKK/ Persatuan dan Swasta.

Manakala bayaran kompaun yang berjaya dikutip adalah sebanyak RM114,795.00 melibatkan sebanyak 970 kompaun. Majlis telah mensyaratkan supaya semua pemohon perlu menjelaskan kesemua tunggakan kompaun Majlis sebelum mengemukakan permohonan permit kepada Majlis.



Proses Semakan Borang Permohonan Permit Bazar Ramadan



Proses Semakan Kompaun



Penyerahan Permit Bazar Ramadan 2016

3.0 PENGANUGERAHAN/ PENGIKTIRAFAN/ PENCAPAIAN**3.1 PROGRAM INISIATIF HIJAU JABATAN PELESENAN****3.1.1 MAJLIS PELANCARAN KEMPEN SHAH ALAM BEBAS POLISTERINA**

Majlis telah melancarkan Kempen Shah Alam Bebas Polisterina menjelang tahun 2017 pada 16 Mei 2016 di Dewan Auditorium MBSA.



Pelaksanaan ini akan dibuat secara berterusan dan berperingkat iaitu:

FASA	PROGRAM PELAKSANAAN	TARIKH PELAKSANAAN
Pertama	Peniaga Bazar Ramadan dan 'Food Truck'	1 Mei 2016
Kedua	Peniaga Pasar Malam, Tapak Penjaja Sementara dan Gerai Majlis	1 Ogos 2016
Ketiga	Restoran dan Pusat Membeli Belah	1 Oktober 2016
Keempat	Shah Alam Bebas Polisterina	1 Januari 2017

3.1.2 PROGRAM BAZAR RAMADAN MAMPAN

Program pertama telah dijalankan di Bazar Ramadan Bazarena, Stadium Shah Alam pada 16 Jun 2016 dengan kerjasama pihak Kerajaan Negeri. Program ini telah dihadiri oleh YB Puan Elizabeth Wong, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau Dan Hal Ehwal Pengguna, Y. Bhg. Datuk Bandar, Ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan serta pegawai dan kakitangan Majlis.



Bagi menjayakan kempen Shah Alam Bebas Polisterina menjelang tahun 2017, Jabatan Pelesenan telah menyediakan pekeling dan 'flyers' sebanyak 5,000 keping bagi tujuan promosi dan penerangan kepada para peniaga dan orang awam.



Selain itu, Jabatan juga telah membekalkan Pek Hijau MBSA kepada peniaga-peniaga Bazar Ramadhan pada bulan Jun 2016 yang lalu sebagai pengenalan kepada dasar Majlis iaitu bebas polisterina.

Jabatan telah mensyaratkan setiap peniaga supaya tidak menggunakan polisterina dan menggantikan pembungkusan makanan dari bahan mudah urai dan berkonsepkan hijau dalam syarat-syarat lesen.

3.1.3 PROGRAM BAZAR RAMADAN MAMPAN

Majlis telah mengadakan Program Jelajah Kepenggunaan Dan Kitar Semula Bagi Tahun 2016 peringkat Majlis Bandaraya Shah Alam dengan kerjasama Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Pengguna Negeri Selangor. Program ini telah diadakan pada 28 September 2016 bertempat di Dewan Melati, Seksyen 7, Shah Alam.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran pengguna tentang kepentingan pengurangan penggunaan beg plastik dan polistirena, menggalakkan penggunaan 'biodegradable bag', kempen kesedaran kitar semula dan menyampaikan maklumat mengenai hal ehwal pengguna.



3.2 KURSUS PRA PELESENAN

Kursus Pra Pelesenan yang dilaksanakan oleh Jabatan Pelesenan ini merupakan satu pelan tindakan pengurusan yang lebih efektif untuk memberi kesedaran dan pemahaman secara jelas mengenai syarat-syarat dan peraturan Majlis yang telah ditetapkan serta bagi menangani masalah peniaga di dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam.

Golongan Sasar: Peniaga baru yang ditawarkan pengeluaran lesen bagi penaja/peniaga tapak penaja sementara, tapak pasar malam, pasar pagi dan gerai di dalam kawasan pentadbiran Shah Alam.

Sepanjang tahun 2016, Jabatan Pelesenan telah mengadakan kursus pra pelesenan sebanyak empat (4) kali bersama 148 penaja pasar malam, pasar pagi, penaja sementara dan peniaga gerai di sekitar kawasan pentadbiran Shah Alam. Senarai dan tarikh kursus pra pelesenan yang telah diadakan adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA	2015	2016
1	9 Mac 2016 (Rabu)	Bilik mesyuarat Jabatan Pelesenan, Tingkat 13, Wisma MBSA	Pasar Malam: 0 Pasar Pagi: 0 Penaja Sementara: 26 Jumlah: 26
2	29 Ogos 2016 (Isnin)	Bilik Seminar 1, Pejabat Cawangan Setia Alam, MBSA	Pasar Malam: 16 Pasar Pagi: 7 Penaja Sementara: 44 Jumlah: 67
3	5 Oktober 2016 (Rabu)	Dewan Seminar, Pejabat Cawangan Setia Alam, MBSA	Pasar Malam: 8 Pasar Pagi: 2 Penaja Sementara: 7 Gerai: 4 Jumlah: 21
4	23 November 2016 (Rabu)	Dewan Seminar, Pejabat Cawangan Setia Alam, MBSA	Pasar Malam: 12 Pasar Pagi: 5 Penaja Sementara: 7 Gerai: 10 Jumlah: 34

3.3 BENGKEL PENYELARASAN BORANG-BORANG PELESENAN

Jabatan Pelesenan telah mengadakan Bengkel Penyelarasan Borang-Borang Pelesenan Majlis Bandaraya Shah Alam yang telah diadakan di Hotel Quality, Kuala Lumpur pada 6 hingga 8 Mac 2016 yang lalu.

Seramai 32 pegawai dan kakitangan dari Jabatan Pelesenan dan pelbagai Jabatan dalaman telah mengambil bahagian di dalam Bengkel tersebut.

Bengkel ini diadakan adalah bagi mengemaskini dan menambahbaik borang-borang permohonan lesen selari dengan Akta dan Peraturan dan syarat-syarat yang digunakan oleh Majlis. Senarai borang di Jabatan Pelesenan yang terlibat untuk semakan dan pindaan adalah:

- Borang Permohonan Lesen Komposit
- Borang Permohonan Lesen Penaja
- Borang Permohonan Permit
- Borang Permohonan Lesen Hiburan dan Permit Hiburan Sementara

3.4 KONVENSYEN PERSADA KIK PIALA DATUK BANDAR SHAH ALAM

Kumpulan 'Young Creative' gabungan Jabatan Pelesenan dan Jabatan Penguatkuasaan telah menghasilkan alat yang dinamakan 'bunkit' bagi memudahkan dan mempercepatkan proses pemeriksaan iklan bunting di tiang lampu Majlis.

Projek ini telah dipersembahkan di Konvensyen Persada KIK Piala Datuk Bandar Shah Alam dan menjadi Johan seterusnya mewakili MBSA ke peringkat Negeri Selangor 2016.

1.0 PROFIL

1.1 JUMLAH KAKITANGAN

BIL	JAWATAN	GRED	JUMLAH PENGISIAN JAWATAN
1	Pegawai Perubatan	UD52	1
2	Pegawai Kesihatan Persekutaran	U42	1
3	Pegawai Kesihatan Persekutaran	U41	1
4	Pen. Peg. Kesihatan Persekutaran (K)	U36	1
5	Pen. Peg. Kesihatan Persekutaran (K)	U32	2
6	Penolong Pegawai Tadbir	N27	1
7	Setiausaha Pejabat	N27	1
8	Pen. Peg. Kesihatan Persekutaran	U29	15
9	Penolong Pegawai Veterinar	G27	1
10	Pembantu Kesihatan Awam (K)	U22	1
11	Pembantu Kesihatan Awam	U17	14
12	Pembantu Tadbir (P/O)	N17	19
13	Pembantu Awam	H14	3
14	Pemandu Kenderaan	H14	2
15	Pekerja Awam	H14	1
16	Pembantu Kesihatan Awam	U11	2
17	Pembantu Tadbir Rendah (Pengawas)	N11	5
18	Pembantu Awam	N11	1
19	Pembantu Awam	H11	7
20	Pemandu Kenderaan	H11	5
21	Pembantu Operasi	N11	1
22	Pemandu Kenderaan	R3	1
23	Pekerja Awam	R1	6
24	Pemandu Kenderaan	R1	2
JUMLAH			94

1.2 SEKSYEN DI JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN TERDIRI DARIPADA:

- Seksyen Kesihatan Awam
- Seksyen Kawalan Penyakit
- Seksyen Aduan dan Promosi
- Seksyen Pentadbiran

1.3 PIAGAM PELANGGAN JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

- Mengambil tindakan bagi setiap aduan yang lengkap tidak melebihi 5 hari bekerja.
- Mengambil tindakan ke atas setiap kes demam denggi dalam tempoh tidak melebihi 48 jam.
- Menguruskan dan menyiapkan Kad Pengendali Makanan dalam tempoh 5 hari dari tarikh permohonan yang lengkap diterima.
- Pengkebumian jenazah sedia dilakukan dalam tempoh 3 jam selepas permohonan diterima dengan disertakan permit mengebumi.

2.0 LAPORAN AKTIVITI MENGIKUT BAHAGIAN

2.1.1 PROGRAM KAWALAN DEMAM DENGGI

Sepanjang tahun 2016 sebanyak 7,909 Kes Demam Denggi telah di daftarkan untuk Majlis Bandaraya Shah Alam. Terdapat penurunan jumlah kes sebanyak 3.07% berbanding tahun 2015.


Statistik Kes Demam Denggi

- Bilangan Kes Demam Denggi (DD) dan Demam Denggi Berdarah (DDB) yang dilaporkan dan disahkan positif:

KES DILAPOR TAHUN 2016		
DEMAM DENGGI	DEMAM DENGGI BERDARAH	JUMLAH
7,820	89	7,909

- Graf Tren Kes Demam Denggi

TREND KES DEMAM DENGGI DI KAWASAN MBSA DARI TAHUN 2009 - 2016




2.1.2 PENGURUSAN TANAH PERKUBURAN SEKSYEN 21

BILANGAN PENGKEBUMIAN JENAZAH DEWASA DI TANAH PERKUBURAN SEKSYEN 21 BAGI TAHUN 2016

BIL	AGAMA	BILANGAN
1	ISLAM	487
2	HINDU	13
3	KRISTIAN	19
JUMLAH		519


GRAF BILANGAN PENGKEBUMIAN JENAZAH DEWASA DI TANAH PERKUBURAN SEKSYEN 21 BAGI TAHUN 2016



Bilangan Pengkebumian Jenazah Kanak-kanak di Tanah Perkuburan Seksyen 21 Bagi Tahun 2016

BIL	AGAMA	BILANGAN
1	ISLAM	68
2	HINDU	4
3	KRISTIAN	1
JUMLAH		73

GRAF BILANGAN PENGKEBUMIAN JENAZAH KANAK-KANAK DI TANAH PERKUBURAN SEKSYEN 21 BAGI TAHUN 2016




2.2 SEKSYEN KESIHATAN AWAM

2.2.1 AKTIVITI PEMANTAUAN KEBERSIHAN DAN PERMOHONAN LESEN

Sepanjang tahun 2016, Seksyen Kesihatan Awam telah menjalankan sebanyak 4,736 pemeriksaan terdiri daripada pemeriksaan premis makanan, pemeriksaan permohonan lesen, rampasan makanan, pemeriksaan kantin sekolah/tadika dan lain-lain bagi tujuan pemantauan kebersihan dan permohonan lesen. Graf di bawah menunjukkan jumlah pemeriksaan yang dijalankan sepanjang tahun 2016 mengikut jenis premis dan pemeriksaan:-


GRAF BILANGAN PEMERIKSAAN YANG DIJALANKAN



2.2.2 AKTIVITI PEMERIKSAAN LESEN

Daripada 3,512 permohonan lesen yang diterima, Seksyen Kesihatan Awam telah berjaya memeriksa permohonan-permohonan yang terdiri daripada lesen industri, perniagaan, premis makanan, taska/tadika dan lesen anjing. Graf menunjukkan bilangan pemeriksaan permohonan lesen mengikut aktiviti pelesenan:


GRAF JUMLAH PEMERIKSAAN PERMOHONAN LESEN 2016



2.2.3 AKTIVITI PENGGREDAN PREMIS MAKANAN

Pada tahun 2016, jabatan telah berjaya menggred sebanyak 1,045 buah premis makanan di seluruh kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam. Dari jumlah tersebut sebanyak 458 premis memperoleh gred A, 278 premis gred B manakala 48 premis memperoleh gred C dan 17 gred D. Disamping itu juga, jabatan telah memeriksa sebanyak 152 unit gerai-gerai majlis bagi tujuan pemantauan kebersihan dan penguatkuasaan.


GRAF MENUNJUKKAN BILANGAN PREMIS MAKANAN YANG DIPERIKSA MENGIKUT GRED



2.2.4 AKTIVITI PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Bagi memastikan tahap kebersihan premis-premis makanan di Shah Alam berada di tahap yang memuaskan, sebanyak 36 operasi bersepadu dan 12 aktiviti rampasan makanan telah dijalankan bersama jabatan-jabatan dalaman dan agensi luaran. Hasil daripada aktiviti tersebut sebanyak 357 kompaun dan 685 notis amaran telah dikeluarkan serta 90 premis diarahkan tutup.

GRAF MENUNJUKKAN BILANGAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG



2.3 SEKSYEN ADUAN DAN PROMOSI

Seksyen Aduan dan Promosi, Jabatan Kesihatan Persekitaran diwujudkan pada bulan Februari 2016. Tujuan utama adalah untuk memastikan tugas kepada anggota adalah lebih jelas dan telus serta tidak bertindih tanggungjawab tugas yang sama serta mewujudkan tindakan penguatkuasaan yang lebih efisien.


2.3.1 UNIT KAWALAN HAIWAN KACAUGANGGU

Sejumlah 1,353 aduan berkenaan haiwan kacauganggu telah diterima sepanjang tahun 2016 mengikut kategori seperti berikut:

BIL	KATEGORI HAIWAN KACAUGANGGU	JUMLAH ADUAN TAHUN 2016
1	Anjing Liar	743
2	Anjing peliharaan	194

3	Kucing liar	135
4	Kucing peliharaan	58
5	Ayam peliharaan	58
6	Haiwan liar: Tikus,gagak,lebah/tebuan	165
JUMLAH		1,353

GRAF JUMLAH ADUAN SEPANJANG TAHUN 2016



Aktiviti Kawalan Haiwan Kacauganggu seperti berikut:

BIL	AKTIVITI KAWALAN	BILANGAN TANGKAPAN/MUSNAH
1	Penangkapan anjing liar oleh pasukan penangkapan Jabatan Kesihatan Persekutaran (In House)	859 ekor
2	Penangkapan anjing liar oleh kontraktor lantikan Majlis	2,018 ekor
3	Penangkapan kucing liar	159 ekor
4	Pemusnahan sarang lebah / tebuan	59 sarang

Aktiviti Penguatkuasaan Pelesenan Anjing Peliharaan.

BIL	AKTIVITI PENGUATKUASAAN	BILANGAN
1	Pengeluaran Notis Amaran	197
2	Pengeluaran Kompaun	75

2.3.2 UNIT ADUAN

Sejumlah 319 aduan berkenaan Kesihatan Awam telah diterima sepanjang tahun 2016 mengikut kategori seperti berikut:

BIL	KATEGORI ADUAN	JUMLAH ADUAN TAHUN 2016
1	Vektor: Nyamuk	152
2	Kebersihan Premis Makanan	77
3	Lain-lain:Tiada Jenis Aduan Yang Tepat	23
4	Kawalan Mutu Makanan	12
5	Rumah/Lot Kosong	11
6	Kejiranan: Kebersihan Premis/Rumah	11
7	Kejiranan: Kacauganggu	7
8	Longkang- Kawasan Perumahan	5
9	Kejiranan: Kesesakan Rumah	5
10	Vektor : Serangga	3
11	Salahguna Bangunan	3
12	Perniagaan Tanpa Lesen	3

13	Pencemaran Bunyi/Alam: Bunyi/Bau	2
14	Penyakit	1
15	Halangan Awam:Peralatan Kedai	1
16	Rumput:Semak samun	1
17	Pasar/Gerai/Tandas:Pembersihan/Pevelenggaraan	1
18	Vektor:Penyakit Berjangkit	1
JUMLAH		319

2.3.3 UNIT PROMOSI

Sejumlah 76 permohonan daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta di kawasan Shah Alam telah diterima untuk mengadakan promosi dan pameran pendidikan kesihatan persekitaran ditempat mereka seperti berikut:

BIL	KATEGORI PERMOHONAN	JUMLAH PERMOHONAN TAHUN 2016
1	Sekolah	12
2	MPP	42
3	Tapak Binaan	1
4	IPTA/IPTS	1
5	Pejabat Kerajaan	11
6	JMB/MC	9
JUMLAH		76

Sejumlah 124 aktiviti kempen, promosi dan pameran pendidikan kesihatan persekitaran telah dijalankan sepanjang tahun 2016 seperti berikut:

BIL	KATEGORI AKTIVITI	JUMLAH AKTIVITI TAHUN 2016
1	Program SEDA-10 (Search & Destroy Aedes 10 Minutes)	38
2	Program LILATI (Lipas, lalat dan tikus)	75
3	Program Tembak Gagak	1
4	Program Kesihatan Persekitaran (Seminar kawalan denggi di Sekolah, Pemaju, Program Terjah , Kawalan Kualiti Air Tasik dan Seminar Pengreiddan Makanan)	10
JUMLAH		124

1.0 PROFIL

BIL	PEGAWAI	JUMLAH KAKITANGAN
1	Pengarah	1
2	Timbalan Pengarah	1
3	Arkitek (Kanan)	3
4	Arkitek	2
5	Penolong Pegawai Tadbir	1
6	Setiausaha	1
7	Penolong Pegawai Senibina (Kanan)	6
8	Penolong Pegawai Senibina	26
9	Penolong Pegawai Jurutera	1
10	Juruteknik	3
11	Pelukis Pelan	1
12	Pembantu Tadbir (Kanan)	2
13	Pembantu Tadbir	9
14	Pembantu Operasi	1
15	Pembantu Am Pejabat	1
16	Pemandu Kenderaan	2
JUMLAH KESELURUHAN		61

1.1 FUNGSI JABATAN

- Memproses dan meluluskan plan-plan yang diterima untuk cadangan bangunan baru, tambahan dan pindaan kepada bangunan sedia ada dan plan pindaan kepada plan lulus.
- Memproses dan meluluskan permohonan menggunakan plan setera :
 - Tambahan pindaan rumah teres kediaman 'Intermediate' 1 tingkat dan 2 tingkat
 - Permit binaan sementara dinding sesekat (partition) dan bumbung senguap (awning) bagi rumah kedai/kedai pejabat
 - Permit binaan sementara tangga keselamatan dan bumbung senguap (awning) bagi premis kediaman yang dijadikan taska, tadika dan pusat asuhan kanak-kanak
 - Permit binaan sementara menara telekomunikasi
- Memproses dan meluluskan permit bangunan sementara bagi permohonan meletak / mendirikan kongsi, kabin, kantin, 'shed' dan 'billboard'.
- Merekabentuk dan menyelia pembinaan projek-projek khas Majlis seperti gerai, dewan, 'food court' dan projek-projek berkaitan program 'Local Agenda 21' seperti Bandar Selamat dan lain-lain lagi.
- Menerima Sijil Perakuan Penyiapan dan Pematuhan atau 'Certificate of Completion & Compliance' (CCC) yang terdiri dari borang-borang dari G1 hingga G21 serta Borang F yang dikemukakan oleh Perunding melalui Bahagian Pusat Setempat (OSC). Untuk rekod Jabatan dan pemeriksaan tapak untuk tindakan pemulangan wang cagaran (jika berkaitan).
- Melakukan pemeriksaan tapak serta mengeluarkan Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan atau 'Certificate of Fitness' (CF) selepas permohonan Borang E diterima.
- Memantau dan memeriksa serta menguatkuasakan Undang-Undang terhadap pembinaan yang dibina tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Majlis.
- Memeriksa dan memantau pembinaan di tapak agar mematuhi syarat-syarat dan peraturan Majlis.
- Memantau projek-projek terbengkalai bagi memastikan Pemaju meneruskan tanggungjawab sehingga projek siap dibina dan CF/CCC dikeluarkan.
- Bertindak ke atas aduan yang berkaitan dengan masalah bangunan dan pembinaan.


1.2 AKTA-AKTA YANG DIGUNAPAKAI DI MBSA

- Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
- Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UUKBS)
- Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam Selangor 1986 (UUKBSS)
- Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)


2.0 LAPORAN AKTIVITI JABATAN

Jabatan Bangunan terbahagi kepada 3 Seksyen iaitu :


2.1 SEKSYEN PELAN



2.2 SEKSYEN KAWALAN BANGUNAN & PENGUATKUASAAN



2.3 SEKSYEN PROJEK KHAS



2.4 PROJEK MAJLIS

HENTIAN AKHIR BANDAR (HAB)

Cadangan Membina Dan Menyiapkan Hentian Akhir Bandar (HAB) Bas Dan Teksi Di Tapak Hentian Bas Sedia Ada Di Atas Lot No. 3 & 5, Jalan Jenlung 17/21, Seksyen 17, 40100 Shah Alam, Selangor Darul

Ehsan Di Bawah Peruntukan Kerajaan Persekutuan Untuk Majlis Bandaraya Shah Alam.

Perunding : Visage Architect
Kontraktor : Teeraz Niaga Sdn. Bhd

Tempoh pembinaan : 4.5 Bulan
Tarikh mula : 15.7.2016
Tarikh siap : 29.11.2016
Tarikh siap baru : 19.12.2016

Lanjutan Masa No.1 : 20 hari (30.11.2016 - 19.12.2016)



HENTIAN AKHIR BANDAR (HAB)

Cadangan Merekabentuk Dan Menyiapkan Hentian Akhir Bandar (HAB), Hentian Teksi Dan Laluan Pejalan Kaki Di Atas Lot No. 1, Serta Sebuah Pencawang Elektrik Di Atas Sebahagian Lot No.2, Jalan Parang 19/18A, Seksyen 19, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Di Bawah Peruntukan Kerajaan Persekutuan Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.

Perunding : Neufomation Architect
Kontraktor : Gerbang Niaga Sdn. Bhd

Tempoh pembinaan : 3 Bulan
Tarikh mula : 15.7.2016
Tarikh siap : 14.10.2016

Lanjutan masa No.1 : 14 Hari (14.10.2016 - 28.10.2016)

Lanjutan masa No.2 : 40 Hari (29.10.2016 - 7.12.2016)



MEDAN SELERA

Cadangan Membina Dan Menyiapkan Medan Selera 1 Tingkat Yang Mengandungi : 12 Unit Gerai, 2 Unit Kedai Serbaneka, Ruang Makan Terbuka, 1 Unit Pusat Pengumpulan Pinggan /Mangkuk, 1 Unit Pejabat Penyelenggaraan Serta Membina Sebuah Restoran 1 Tingkat, 2 Unit Tandas Lelaki & Wanita, 1 Unit Tandas OKU, 1 Unit Rumah Sampah Dan Dataran Terbuka Serta 1 Unit Wakaf Di Atas Lot No.2, Jalan Gembala 19/9, Seksyen 19, 40300 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.

Perunding : Arkitek Kashaf
Kontraktor : Syaqui Enterprise

Tempoh pembinaan : 5 Bulan
Tarikh mula : 9.5.2016
Tarikh siap : 8.10.2016

Lanjutan masa No.1 : 20 Hari (8.10.2016 - 28.10.2016)

Lanjutan masa No.2 : 40 Hari (29.10.2016 - 7.12.2016)



GERAI DAN KEDAI

Cadangan Meroboh Gerai Sementara Sedia ada, Merekabentuk Dan Menyiapkan Gerai Serta Kedai 2 Tingkat Di Atas Lot No.1, Dan Tempat Letak Kereta Di Atas Lot No. 3, Jalan Pulau Angsa A U10/A, Seksyen U10, 40170 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.

Perunding : Jasmin Architect
Kontraktor : AMT Engineering Services

Tempoh pembinaan : 10 bulan
Tarikh mula : 16.12.2015
Tarikh siap : 15.10.2016
Tarikh siap baru : 21.12.2016

Lanjutan Masa No.1 : 66 hari (16.10.2016 - 21.12.2016)



GERAI DAN KEDAI

Cadangan Meroboh Gerai Sedia Ada Dan Membina Semula Gerai Dan Kedai 2 Tingkat Di Jalan Utas 15/7, Seksyen 15, Shah Alam Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.

Perunding : AHA Architect
Kontraktor : Asta-Naz Sdn.Bhd.

Tempoh pembinaan : 17 bulan
Tarikh mula : 1.10.2014
Tarikh siap : 16.2.2016

Lanjutan masa No.1 : 99 hari (17.2.2016 - 25.5.2016)

Lanjutan masa No.2 : 97 hari (26.5.2016 - 31.8.2016)


Lanjutan Masa No.3 : 27 hari (1.9.2016 - 27.9.2016)

Lanjutan Masa No.4 : 95 hari (28.9.2016 - 31.12.2016)



2.5 KUTIPAN HASIL JABATAN 2016

BIL	PROGRAM / AKTIVITI	PERANCANGAN (RM)	PENCAPAIAN (RM)
1	Bayaran Yuran Permit Bangunan & Binaan Sementara (kongsi, kabin, hoarding, dan lain-lain binaan di tapak pembinaan, 'Shed', 'partition', 'awning', 'grill', menara telekomunikasi dan 'billboard') Kod Hasil : 71810	2,902,850.00	4,602,554.00
2	Bayaran Yuran Permit Letak Bahan Binaan Kod Hasil : 71811	648,000.00	340,004.00
3	Bayaran Yuran Lulus Pelan Cadangan Baru & Banglo (Individu) Kod Hasil : 72102 / 72103	543,510.00	230,577.00
4	Bayaran Yuran Proses Pelan Tambahan / Pindaan & Pelan Setara (Kilang, Kediaman, Kedai dan lain-lain) Kod Hasil : 72104	800,000.00	315,304
5	Penjualan Buku Pelan Setara Kod Hasil : 73102	100,000.00	107,942.00
6	Penjualan Salinan Sijil CF Kod Hasil : 73104	2,500.00	5,350
7	Penjualan Salinan Pelan Kod Hasil : 73105	5,000.00	4,300.00
8	Penjualan Risalah / Buku Garis Panduan Kod Hasil : 73106	6,000.00	7,980.00
9	Denda Bangunan Kod Hasil : 76802 / 76501	4,545,040.00	2,235,095.00
Jumlah Kutipan Anggaran		8,109,390.00	-
Jumlah Kutipan Sebenar		-	7,849,106.00



3.0 PENCAPAIAN JABATAN SEPANJANG TAHUN 2016

3.1 MAJLIS PERSADA INOVASI PERINGKAT MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM, 5-6 MEI 2016

Mendapat tempat **PERTAMA (INOVASI)**

Kategori : JABATAN

Pencetus idea : KUMPULAN NEU-VOLUTION

Hasil Inovasi :

BUKU PELAN SETARA BINAAN SEMENTARA TANGGA KESELAMATAN DAN BUMBUNG SENGKUAP (AWNING) UNTUK PENGUSAHA TADIKA, TASKA DAN PUSAT ASUHAN KANAK-KANAK



3.2 MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2016, 6-7 SEPTEMBER 2016

Mendapat tempat **PERTAMA (Kategori Pengurusan) dan PERSEMBAHAN TERBAIK**

Pembentang : KUMPULAN NEU-VOLUTION

Nama Projek :

PROSES PERMOHONAN PELAN PREMIS TASKA DAN TADIKA KURANG EFISIEN DI KAWASAN MBSA



3.3 MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM PERINGKAT KEBANGSAAN 2016, 14-15 NOVEMBER 2016

Mewakili Negeri Selangor bagi kategori Pengurusan

Pembentang : KUMPULAN NEU-VOLUTION


Nama Projek :

PROSES PERMOHONAN PELAN PREMIS TASKA DAN TADIKA KURANG EFISIEN DI KAWASAN MBSA



3.4 MAJLIS PELANCARAN BUKU PELAN SETARA BINAAN SEMENTARA TANGGA KESELAMATAN DAN BUMBUNG SENGKUAP (AWNING) UNTUK PENGUSAHA TADIKA, TASKA DAN PUSAT ASUHAN KANAK-KANAK

Sempena **Hari Bertemu Pelanggan 2016** pada 15 Oktober 2016 bertempat di AEON Shah Alam.



3.5 PROGRAM HARI INTEGRITI MBSA 2016, 22 NOVEMBER 2016

Merangkul dua tempat PERTAMA dalam Pertandingan Poster dan Pertandingan Video Pendek Integriti.



3.6 MINGGU PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN MBSA 2016, 17-19 OKTOBER 2016

Merangkul tempat PERTAMA, KEDUA dan KETIGA dalam Pertandingan Merekacipta Poster.



3.7 JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI MBSA 2016, 19 JULAI 2016

Mendapat tempat KEEMPAT Khemah Tercantik dan Pakaian Tercantik (Individu Lelaki)



3.8 INOVASI JABATAN

3.8.1 Buku Pelan Setara Binaan Sementara Tangga Keselamatan dan Bumbung Sengkuap (AWNING) untuk Pengusaha Tadika, Taska dan Pusat Asuhan Kanak-kanak

Jabatan telah menyediakan perkhidmatan kelulusan 1 jam kepada pengusaha-pengusaha Tadika, Taska dan Pusat Asuhan Kanak-kanak yang ingin mendapatkan Permit bagi binaan sementara yang didirikan di tapak seperti Tangga Keselamatan dan Bumbung Sengkuap.

Inovasi ini menepati kehendak sistem penyampaian - Khidmat Terbaik. Pengusaha tidak lagi perlu mendapatkan khidmat perunding tetapi boleh berurusan sendiri dengan kos yang lebih rendah dan mejimatkan dalam masa yang lebih singkat untuk mendapatkan kelulusan Permit sementara tersebut.


Sumbangan projek kepada MBSA :-

- Peningkatan hasil Majlis.
- Peningkatan kesedaran pemilik / pengusaha premis terhadap kepatuhan peraturan Majlis.
- Tahap keselamatan kanak-kanak di premis lebih terjamin.
- Peningkatan kesedaran pemilik / pengusaha premis terhadap syarat-syarat perniagaan.
- Pemantauan premis menjadi lebih mudah.



Bunting

Brochure



DARAYA SHAH ALAM

69

Jabatan
Pembangunan
Komuniti

78

Jabatan
Penguatkuasaan

82

Jabatan
Pengurusan Sisa
Pepejal &
Pembersihan
Awam

LAPORAN

20

1.0 PROFIL

BIL	JAWATAN	GRED	JUMLAH PENGISIAN JAWATAN
1	Pegawai Tadbir	N52	1
2	Pegawai Belia dan Sukan	S44	1
3	Pegawai Kebudayaan	B44	1
4	Pegawai Tadbir	N41	1
5	Pegawai Belia dan Sukan	S41	1
6	Pustakawan	S41	1
7	Ahli Muzik Kanan	S31	1
8	Penolong Pegawai Tadbir	N29	5
9	Setiausaha Pejabat	N29	1
10	Penolong Pegawai Belia dan Sukan	S29	3
11	Ahli Muzik	B29	8
12	Pereka	B29	1
13	Penolong Pegawai Perpustakaan	S29	1
14	Penolong Jurutera	J29	2
15	Pembantu Tadbir (P/O) KUP	N22	2
16	Pembantu Tadbir (P/O)	N19	34
17	Pembantu Pustakawan	S19	2
18	Pembantu Operasi	N11	1
19	Pembantu Am Pejabat	N11	1
20	Pembantu Awam	H14	1
21	Pembantu Awam	H11	9
22	Pemandu	H14	1
23	Pemandu	H11	5
24	Pemandu	R3	1
25	Pekerja Awam	R1	6
JUMLAH			91

1.1 FUNGSI JABATAN PEMBANGUNAN KOMUNITI

- Urusetia kepada Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) dan memastikan setiap 24 MPP Zon melaksanakan program yang dirancang
- Memastikan program yang dianjurkan oleh Seksyen Belia dan Sukan dilaksanakan
- Memproses pinjaman dan pemulangan buku di Perpustakaan MBSA
- Memastikan program dan aktiviti kebudayaan serta pelancongan dilaksanakan
- Menganjurkan program pembangunan insaniah seperti mesra rakyat, ceramah ilmu, program motivasi di sekolah-sekolah Shah Alam
- Menyelaras dan menganjurkan aktiviti-aktiviti keagamaan, sukan, rekreasi, kebudayaan, kesenian dan pelancongan untuk kemudahan kakitangan dan orang ramai
- Memperkenalkan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan sukan, rekreasi, kebudayaan kepada penduduk Shah Alam dan pelancong luar

2.0 LAPORAN PROGRAM/AKTIVITI JABATAN

2.1 SEKSYEN KEMASYARAKATAN

2.1.1 KOMUNITI / MESRA RAKYAT

Program Bimbingan Serta Didikan Kawasan Perumahan Bertingkat Kos Rendah

Program Masyarakat Prihatin ini telah di adakan pada 29 Mei 2016 di PPRT Ken Rimba Jaya Seksyen 16. Pihak Majlis turut memberi sumbangan beras kepada penduduk yang kurang berkemampuan di kawasan tersebut seramai 50 orang.

- 29 Mei 2016 (Ahad)
- (PPRT Ken Rimba Jaya)

2.1.2 MASYARAKAT PRIHATIN

Iftar @ Dataran Musafir

Program ini diadakan bersama masyarakat Shah Alam dengan



kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor bagi menyediakan pengisian aktiviti kerohanian sepanjang Bulan Ramadan. Penyediaan Ruang Solat Maghrib dan Tazkirah ringkas di kawasan tumpuan Bazar Ramadhan.

- Dataran Kemerdekaan
- Bazarena, Seksyen 13

Program Iftar Jamaie

Program Iftar Jamaie ini telah diadakan pada 9 Jun 2016 di Dewan Bankuet. Seramai 62 orang kakitangan MBSA telah menerima sumbangan sebanyak RM 300.00. Seramai 60 orang anak-anak tahfiz dari Maahd Tahfiz Darul Perkim, Seksyen U12 dan Ummul Qura Jalan Kebun telah hadir pada program tersebut. Pihak Majlis juga telah menyumbangkan RM 1,000.00 untuk setiap pusat tahfiz tersebut.



Program Penyerahan Topi Keledar Percuma Sempena Kempen Selamat Balik Kampung

Program ini telah diadakan pada 01 Julai 2016 (Khamis) di Persiaran Jubli Perak Seksyen 17 Shah Alam dengan kerjasama Sirim QAS International dan / JKJR Negeri Selangor. Pada tahun ini, Majlis telah mengedarkan sebanyak 300 unit topi keledar dewasa dan 50 unit topi keledar kanak-kanak.



Dato' Ahmad Zaharin dan Puan Khalidah dari QAS mengedarkan 350 topi keledar kepada penunggang motorsikal

Program Sumbangan Sempena Ramadan Kepada Golongan Kurang berkemampuan

Program ini telah diadakan pada 12 Jun 2016 (Khamis) serentak di 24 MPP Zon. Seramai 240 orang telah menerima sumbangan barangan keperluan berjumlah RM 200 dan wang tunai RM 50.



Program Hijrah Hijau

Program ini telah diadakan pada 15 Mei 2016 (Ahad) di Masjid Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong. Program ini telah dihadiri oleh 41 buah masjid dan surau dari seluruh daerah Petaling.

Eco Free Market @ Shah Alam

Program ini telah diadakan pada 23 April 2016 (Sabtu) di Gelanggang Futsal, Taman Sukan Lasak Shah Alam Seksyen 13. Terdapat lebih kurang 100 penyumbang terdiri daripada individu dan berkumpulan seperti Yayasan TAAT, Food Aid Foundation dan UiTM membuka khemah pameran kepada pengunjung. Anak-anak yatim dari Rumah Amal Al-Firdaus Seksyen U16, Rumah Kasih Harmoni Seksyen U19 dan Teratak Nur Baraqah Seksyen 24 dijemput untuk mengambil barang sumbangan dan melakukan aktiviti sampingan bersama para pelajar dari Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan UiTM.



Program Jawatankuasa Wanita

Mesyuarat Jawatankuasa Wanita telah diadakan pada 28 Julai 2016 dan telah dipengerusikan oleh Timbalan Datuk Bandar. Program yang telah dirancang akan dilaksanakan pada suku tahun kedua.

Lawatan tapak ke Pusat Kraftangan Epal telah diadakan pada 9 November 2016 bersama Ahli Majlis, Puan Siti Rohaya Ahad dan wakil penduduk dari MPP Zon 18.

Bengkel Jahitan telah diadakan 7-8 Disember 2016 di Pejabat MPP Zon 18. Seramai 30 peserta telah hadir pada bengkel tersebut.

- Ceramah / Taklimat
- Kursus Menjahit & menghasilkan Beg dari Banner & Bunting tamat tempoh

2.1.3 PROGRAM KESIHATAN

MASYARAKAT PRIHATIN

Skim Pemberian Cermin Mata kepada kanak-kanak Golongan Asnaf

Program sumbangan cermin mata ini melibatkan seramai 200 orang penerima iaitu dari setiap MPP Zon yang terdiri daripada golongan kanak-kanak terutamanya pelajar sekolah menengah. Penerima sumbangan menerima set cermin mata yang bernilai RM 150.00 seorang.

Seramai 109 orang daripada 14 MPP Zon Shah Alam telah menerima Skim Pemberian Cermin Mata

BIL	BILANGAN PERWAKILAN PENDUDUK (MPP)	BILANGAN (ORANG)
1	ZON 3	8
2	ZON 4	8
3	ZON 5	8
4	ZON 6	8
5	ZON 8	8
6	ZON 9	8
7	ZON 11	2
8	ZON 12	8
9	ZON 13	4
10	ZON 15	16
11	ZON 16	8
12	ZON 18	8
13	ZON 20	7
14	ZON 23	8
JUMLAH		109



Posting Population Health dengan kerjasama Fakulti Perubatan UiTM

Program ini diadakan 5 kali setahun bersama Fakulti Perubatan UiTM. Pelajar Tahun 4 ini mengadakan Kajian soal selidik selama 2 minggu ke kawasan-kawasan yang terpilih setelah mengenal pasti isu-isu serta permasalahan berkaitan kesihatan. Hari Promosi kesihatan dan pemeriksaan kesihatan secara percuma akan diadakan pada hari terakhir. Melibatkan pelajar-pelajar tahun 4 Fakulti perubatan UiTM.

BIL	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1	Karnival Kesihatan Mata	27 Mac 2016	Dewan MBSA Merbau
2	Karnival Kesihatan Kulit	22 Mei 2016	Pangsapuri Mentari Subang Bestari

3	Karnival Kesihatan Obesiti	24 Julai 2016	Dewan MBSA Paya Jaras
4	Karnival Kesihatan Rumah Selamat Warga Sihat	3 Oktober 2016	Dewan MBSA Beringin
5	Karnival Kesihatan Anda Bijak Cegah Diabetes	27 November 2016	Pangsapuri Melati, Taman Bukit Subang

2.1.4 PROGRAM KEPRIHATINAN ORANG KELAINAN UPAYA (OKU) & WARGA EMAS

Permohonan Pelekat kenderaan OKU

Menerima permohonan pelekat kenderaan serta menyalurkan maklumat kepada pihak yang berkaitan bagi memudahkan mereka meletak kereta diruang yang telah disediakan. Sebanyak 123 permohonan diterima sepanjang tahun 2016.

PERMOHONAN PELEKAT KENDERAAN OKU TAHUN 2016



Penyediaan Kenderaan OKU

Menerima permohonan serta penggunaan Kenderaan Komuniti bagi golongan Warga Emas serta OKU. Senarai hospital yang dibenarkan oleh pihak Majlis:

- Klinik Kesihatan Seksyen 7
- Klinik Kesihatan Seksyen 19
- Klinik Kesihatan Bukit Kuda
- Hospital Shah Alam
- Hospital Tengku Ampuan Rahimah
- Hospital Besar Sungai Buloh
- Pusat Perubatan Universiti Malaya
- Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia

BIL	BULAN	TAHUN 2014	TAHUN 2015	TAHUN 2016
1	Januari	0	8	9
2	Februari	2	5	13
3	Mac	3	6	18
4	April	6	8	11
5	Mei	4	1	16
6	Jun	3	13	18
7	Julai	7	5	21
8	Ogos	5	8	26
9	September	7	7	27
10	Oktober	7	5	16
11	November	6	17	14
12	Disember	7	8	17
JUMLAH PERMOHONAN		57	91	206



Penyediaan Bas Komuniti

Perkhidmatan Bas Komuniti MBSA mula beroperasi pada 4 Mac 2014. Memberi perkhidmatan percuma kepada orang awam yang menggunakan perkhidmatan bas. Waktu operasi adalah pada jam 7.30 pagi, 11.30 pagi dan 4.30 petang. Bas Komuniti MBSA telah diserahkan kepada Bahagian Pengangkutan Bandar MBSA mulai 3 Oktober 2016.

Statistik Pengguna Perkhidmatan Bas Komuniti MBSA

BIL	BULAN	TAHUN 2014	TAHUN 2015	TAHUN 2016
1	Januari	0	1170	1174
2	Februari	0	1194	1599
3	Mac	0	1976	2232
4	April	268	2041	1457
5	Mei	206	3953	1694
6	Jun	892	2147	1733
7	Julai	710	1471	1322
8	Ogos	789	1553	1864
9	September	1615	2016	1007
10	Oktober	1087	1084	
11	November	1085	1004	
12	Disember	516	1313	
JUMLAH PENUMPANG		7168	20,922	14,082

2.1.5 MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK (MPP)

PENYEDIAAN PROGRAM TAHUNAN MPP

- Program Mesra Rakyat
- Turun Padang
- Gotong Royong
- Urusetia Aduan MPP

Pengurusan peruntukan serta perbelanjaan yang disediakan kepada semua 24 MPP zon di kawasan Pentadbiran Majlis bagi menjalankan aktiviti kemasyarakatan.

Penyelarasan aduan-aduan awam yang diterima di Pusat Khidmat Ahli Majlis

BIL	BULAN	TAHUN 2014	TAHUN 2015	TAHUN 2016
1	Januari	0	34	21
2	Februari	0	38	44
3	Mac	53	97	84
4	April	89	98	104
5	Mei	73	127	120
6	Jun	84	116	125
7	Julai	125	79	114
8	Ogos	97	115	118
9	September	85	103	112
10	Oktober	131	114	124
11	November	149	145	136
12	Disember	114	146	110
JUMLAH PROGRAM		1,000	1,213	1,212

PENGIKTIRAFAN KEPADA KOMUNITI

Pertandingan Anugerah Hijau Shah Alam 2016

- Bengkel Pertandingan Anugerah Hijau Shah Alam 2016 pada suku kedua tahun ini diadakan sebanyak 3 siri.
- Pertandingan Anugerah Hijau Shah Alam 2016 dan Majlis Anugerah akan diadakan pada tahun 2017.
- Taklimat Anugerah Kejurangan Hijau Zon Bersih Mini (Mini Zee Bee) Antara MPP Shah Alam 2016/2017 telah diadakan pada 11-12 November 2016 di Dewan Bankuet Setia Alam dan MPP Zon 3.
 - Mesyuarat Bersama Panel Juri Mini Zee Bee (27 Julai 2016)
 - Taklimat Anugerah Kejurangan Hijau Zon Bersih Mini (Mini Zee Bee) 2016/2017 (11-12 November 2016)

Jaringan Komunikasi & Silaturrahim Mesyuarat Induk MPP

- Mesyuarat Induk MPP telah diadakan pada 11 Mei 2016 di Bilik Mesyuarat Renantanda dan dipengerusikan oleh Y.Bhg Datuk Bandar Majlis Bandaraya Shah Alam.

Hari Terbuka MPP Zon

- Hari Terbuka MPP Zon Siri Pertama telah diadakan pada 24 April 2016 (Ahad) di Padang Rakyat Jalan Kebun. Pelbagai aktiviti telah diadakan bagi menyemarakkan lagi program tersebut dengan melibatkan pelbagai sektor kerajaan dan swasta yang terdiri daripada FAMA, JPJ dan Hospital Metro Klang.

MASYARAKAT BERILMU

Kuliah Maghrib di Kediaman Rasmi Datuk Bandar

- Program bulanan ini dijalankan di kediaman rasmi Datuk Bandar Shah Alam dengan menjemput penceramah serta mengadakan kuliah maghrib dan solat berjemaah.
- Program perkongsian ilmu dengan melibatkan Pengurusan MBSA serta kakitangan secara berterusan pada setiap bulan.

Forum Perdana Ehwal Islam

- Program ini telah diadakan pada 18 November 2016 (Jumaat) di Tempat Letak Kereta Pasaraya Giant, Seksyen 18 Shah Alam.
- Program ini bertujuan melahirkan masyarakat bandar raya

Shah Alam ke arah masyarakat yang berilmu, beriman dan bertaqwa.

- Seramai 500 orang tetamu jemputan telah hadir pada program ini.



Bacaan Yassin dan Doa Selamat Sempena Hari Bandar Raya Shah Alam Ke-16

- Program ini telah diadakan pada 14 Oktober 2016 (Jumaat) di Masjid Seksyen 7 Shah Alam.
- Program ini sebagai tanda syukur kerana Shah Alam sentiasa di dalam keadaan yang harmoni, sejahtera dan mampan.
- Seramai 500 orang warga kerja MBSA yang bersama-sama menunaikan solat dhuha dan solat hajat.



2.2 UNIT PERPUSTAKAAN

2.2.1 MASYARAKAT BERILMU

Perpustakaan Anggerik Vanilla MBSA (PAV)

- PAV MBSA telah menerima 13 pelawat iaitu 8 daripada tadika, 2 daripada kumpulan pelajar UiTM, 2 daripada Persatuan Penduduk Sri Nuang MPP Zon 4 dan MPP Zon 15 serta lawatan tapak oleh Y.Bhg Datuk Bandar Shah Alam.
- PAV mula dibuka pada 28.10.2014

Statistik PAV MBSA Tahun 2016: (Sehingga 16 Disember 2016)

PERKARA	BILANGAN
Jumlah Keahlian	3825 Orang
Jumlah Pengunjung	9950 Orang
Jumlah Pinjaman Buku	24,430 Naskah
Jumlah Buku Dikatalog	8370 Naskah
Jumlah Pembelian Bahan Bacaan	RM 162,739.51
Jumlah Kutipan	RM 11,238.25
(Yuran keahlian, yuran tahunan, yuran penyertaan program, denda lewat pulang buku dan yuran penggunaan komputer)	

Program Cuti Sekolah

- Memberi pendedahan di samping menjana minda masyarakat dalam menyampaikan idea kreatif. Mengadakan program Riang Ria Cuti Sekolah pada:
 - 16-17 Mac 2016
 - 1-2 Jun 2016
 - 7-8 Dis 2016



BIL	TARIKH (OPERASI PUSAT PERTUKARAN BUKU)
1	30 Julai 2016
2	13 & 27 Ogos 2016
3	10 & 24 September 2016
4	22 Oktober 2016
5	12 & 26 November 2016
6	3 & 17 Disember 2016

Program "Big Girls Talk"

- MBSA dengan kerjasama Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga Negeri Selangor telah menjalankan program ini peringkat PBT Selangor. Seramai 100 remaja wanita yang berumur antara 13 hingga 16 tahun telah menyertai program ini pada 20 November 2016 di Dewan Banquet MBSA, Setia Alam.



- Program ini adalah sebagai persediaan remaja perempuan ke alam dewasa.

2.2.2 PEMBANGUNAN / PEROLEHAN

Pembelian sebuah Perpustakaan Bergerak MBSA

- Surat lantikan pembelian dan pengubahsuaian kenderaan kepada sebuah perpustakaan bergerak telah diberikan kepada Syarikat Tomodachi Sdn. Bhd pada 4 Julai 2016. Kenderaan Perpustakaan Bergerak MBSA telah siap pada 16 Disember 2016.



Pusat Pertukaran Buku di Setia Alam

- Telah mula beroperasi pada bulan Julai 2016 iaitu setiap Sabtu ke-dua dan ke-empat pada jam 10.00 pagi -1.00 petang. Bekerjasama dengan komuniti Setia Alam sebagai sukarelawan untuk bertugas ketika waktu pengoperasian. Selain pertukaran buku, aktiviti kanak-kanak seperti kraf, mewarna dan 'storytelling' oleh sukarelawan juga dijalankan di pusat ini.
- Statistik :
 - Jumlah buku terkumpul : 1500 naskah
 - Jumlah pengunjung : 250 orang
 - Jumlah sukarelawan : 10 orang

2.3 SEKSYEN BELIA DAN SUKAN

2.3.1 KEJOHANAN LUMBA BAKAL & KRITERIUM SHAH ALAM EDISI KE 14

- Maklumat kejohanan adalah seperti berikut:
 - Tarikh : 20 Februari 2016 (Sabtu)
 - Masa : 7.00 pagi - 7.00 petang
 - Tempat : Laman Budaya, Persiaran Tasik, Shah Alam
 - Kategori : i. Basikal Bukit
 - ii. Basikal Lumba
 - iii. Kanak-Kanak Lelaki & Perempuan
- Jumlah Penyertaan: 300 Orang Peserta

2.3.2 KEJOHANAN BOLA TAMPAR PIALA DATUK BANDAR & VOLLEYTHON SHAH ALAM 2016

- Maklumat kejohanan adalah seperti berikut:
 - Tarikh : 3 - 6 Mac 2016 (Khamis - Ahad)
 - Masa : 8.00 pagi - 10.00 malam.
 - Tempat : Dewan Bola Tampar Seksyen 4 dan Seksyen 19, Shah Alam
- Jumlah Penyertaan : Sebanyak 52 pasukan bagi kategori Terbuka Lelaki, Terbuka Wanita dan Amatur
 - Kategori : i. Terbuka Lelaki (Jemputan Antarabangsa)
 - ii. Terbuka Wanita (Jemputan Antarabangsa)
 - iii. Amatur
- Jumlah Penyertaan: 52 Pasukan
- Peserta Luar Negara: 4 Pasukan (Taiwan, Thailand, Indonesia, Maldives)



2.3.3 KEJOHANAN TAEKWONDO JEMPUTAN PIALA DATUK BANDAR SHAH ALAM EDISI KE 3

Tarikh : 18 – 20 Mac 2016 (Jumaat – Ahad)
Masa : 8.00 pagi – 5.00 petang
Tempat : Dewan MBSA Seksyen 19, Shah Alam
Jumlah Peserta : 300 orang

- Johan Keseluruhan : Adventure Taekwondo Club
- N. Johan Keseluruhan : Power Sport Taekwondo Club
- Ke-Tiga Keseluruhan : Black Belt Taekwondo Academy



2.3.4 KEJOHANAN FUTSAL PIALA DATUK BANDAR 2016

Pada 9 dan 10 April 2016 (Sabtu-Ahad), Majlis Bandaraya Shah Alam telah berjaya menganjurkan Kejohanan Futsal Piala Datuk Bandar 2016. Sambutan penyertaan adalah sangat memuaskan dengan maklumat kejohanan adalah seperti berikut:

Tarikh : 9 – 10 April 2016 (Sabtu-Ahad)
Masa : 8.00 pagi – 7.00 petang
Tempat : Gelanggang Futsal Taman Sukan Lasak, Seksyen 13, Shah Alam

Jumlah Penyertaan : Sebanyak 40 pasukan bagi kategori lelaki terbuka manakala 32 pasukan bagi kategori bawah 12 tahun dan bawah 18 tahun.



2.3.5 SHAH ALAM ENDURIDE 2016 EDISI KE 3

Sebanyak 2 kategori utama dipertandingkan iaitu "Road Race" dan "Road Bike". Acara pelepasan peserta telah disempurnakan oleh DYT Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah Ibnu Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj.

Tarikh : 15 Mei 2016 (Ahad)
Tempat (Mula/Tamat) : Dataran Kemerdekaan Shah Alam, Shah Alam
Jumlah Peserta : 1,500 orang
Jarak Kayuhan : 120 km
Penyertaan Negara : Singapura, Thailand, Indonesia, Brunei, United Kingdom, India, Australia, New Zealand, Sepanyol, Sweden, Philipina, Jepun, Jerman, Croatia dan Korea Selatan dengan jumlah 1,500 orang peserta.
Laluan Acara : Bukit Jelutong – Bukit Kerayong – Parit Mahang – Ijok – Kundang Jaya – Sungai Buloh – Shah Alam.



2.3.6 MAJLIS RAMAH MESRA SUKAN ANGKAT MBSA SEMPERA SUKAN MALAYSIA SARAWAK 2016

Tarikh : 3 Jun 2016 (Jumaat)
Tempat : Hotel Grand Blue Wave
Masa : 4.00 petang
VIP : Datuk Bandar Majlis Bandaraya Shah Alam

Maklumat Acara Sukan Angkat MBSA adalah seperti berikut :

Nama Sukan : Akuatik (Renang & Terjun)
Tarikh Perlawanan : 23 – 27 Julai 2016
Tempat : Pusat Akuatik N.Sarawak, Komp. Sukan Sarawak, Petra Jaya
Jumlah Atlit : 42 orang

Nama Sukan : Bola Tampar (Lelaki & Wanita)
Tarikh Perlawanan : 20 – 29 Julai 2016
Tempat : Dewan B. Tampar, Persatuan Bola Tampar N. Sarawak, Sibul
Jumlah Atlit : 32 orang

2.3.7 KEJOHANAN SUKAN MALAYSIA (SUKMA) 2016

Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) 2016 telah berlangsung di Kuching, Sarawak pada 18 Julai – 31 Julai 2016. Majlis Bandaraya Shah Alam telah dipertanggungjawabkan untuk menjadi bapa angkat kepada Sukan Bola Tampar dan Sukan Akuatik (Renang & Terjun).

Jumlah Pungutan Pingat Sukan Angkat MBSA :

1. Renang : 20 Emas, 15 Perak, 9 Gangsa
2. Terjun : 3 Emas, 2 Perak, 3 Gangsa
3. Bola Tampar (Lelaki) : 1 Emas
4. Bola Tampar (Wanita) : Tempat Ke-4

Untuk makluman, Selangor telah dinobatkan sebagai Juara Keseluruhan pada temasya kali ini dengan jumlah pungutan pingat Emas – 59, Perak – 73 dan Gangsa – 63.

Jumlah keseluruhan pingat : 195 PINGAT

BIL	PINGAT	2016
1	EMAS	59
2	PERAK	73
3	GANGSA	63
JUMLAH		195

2.3.8 KARNIVAL HARI BELIA SHAH ALAM 2016

Majlis Bandaraya Shah Alam telah menganjurkan Karnival Hari Belia Shah Alam 2016 di perkarangan Stadium Shah Alam. Pelbagai acara sampingan juga turut diadakan pada hari tersebut iaitu Foodtruck, Pesta makan buah-buahan, 'Fun Walk' 10,000 Langkah, '3on3' Basketball, Gusti Lengan, program derma darah dan pameran kesihatan

Tarikh : 8 Oktober 2016 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi – 6.30 petang
Tempat : Perkarangan Stadium Shah Alam



2.3.9 MIZUNO SHAH ALAM WAVE RUN 2016

- Majlis Bandaraya Shah Alam bersama Mizuno Malaysia melalui Jabatan Pembangunan Komuniti telah berjaya menganjurkan Program Mizuno Shah Alam Wave Run 2016 sempena Hari Bandaraya Shah Alam kali ke 16. Program ini dijalankan bersama program Hari Belia dan Kesihatan Shah Alam 2016 yang melibatkan penyertaan masyarakat dan belia dari dalam dan luar negara. Seramai 7000 orang peserta mendaftar untuk menyertai Mizuno Shah Alam Wave Run 2016. Acara pelepasan peserta telah disempurnakan oleh Menteri Besar Selangor.

Nama Acara : Mizuno Shah Alam Wave Run 2016
Tarikh : 9 Oktober 2016 (Ahad)
Tempat : Perkarangan Stadium Shah Alam
Jumlah Peserta : 7,000 Orang Peserta




2.3.10 KARNIVAL SOCCER KIDS SHAH ALAM 2016

- Pada tahun ini, terdapat dua (2) kategori yang telah dipertandingkan, iaitu kategori terbuka bawah 12 tahun dan bawah 9 tahun. Sambutan penyertaan pada tahun ini sangat menggalakkan dengan jumlah penyertaan sebanyak 70 pasukan bagi kedua-dua kategori yang dipertandingkan. Kebanyakan pasukan adalah dari sekitar Lembah Klang.

Tarikh : 15 & 16 Okt. 2016
Masa : 8.30 pagi – 6.00 petang
Tempat : Padang B, Dataran Kemerdekaan Shah Alam
Kategori : i. Terbuka Bawah 12 tahun
ii. Terbuka Bawah 9 tahun

- Jumlah Penyertaan : 70 pasukan



2.3.11 PROGRAM KAYUHAN SANTAI SHAH ALAM

BIL	ACARA	TARIKH	JARAK / JUMLAH PESERTA
1	Kayuhan Mara	27 Februari 2016	30 km / 1,000 orang
2	Kayuhan Karangraf	28 Februari 2016	26 km / 300 orang
3	Kayuhan Amal Sabak Bernam	26 Mac 2016	
4	Kayuhan Blue Wave	24 April 2016	
5	Kayuhan Santai Shah Alam Sempena Hari Kemerdekaan 2016	24 Ogos 2016	30 km / 300 orang
6	Kayuhan Santai Sempena Hari Kanak-Kanak Selangor	26 November 2016	30 km / 100 orang

2.3.12 PROGRAM PEMBANGUNAN SUKAN

Klinik Pembangunan Sukan

- Futsal
- Bola Tampar
- Ragbi

- Klinik Pembangunan Sukan ini bertujuan untuk memberi peluang kepada golongan kanak-kanak/ remaja melibatkan diri dalam bidang sukan yang diminati. Mereka juga telah didedahkan dengan pertandingan-pertandingan bagi menilai prestasi dari masa ke semasa.
- Sepanjang tempoh latihan, para peserta telah menunjukkan minat serta disiplin yg tinggi dalam mengikuti arahan daripada jurulatih yang telah dilantik.

Akademi Soccer Kids MBSA

- Akademi Soccer Kids MBSA adalah program yang dirancang khas untuk Pembangunan Sukan Bola Sepak di kawasan Shah Alam bagi kanak-kanak yang berusia 5 – 15 tahun.
- Tujuan akademi ini ditubuhkan adalah untuk memberi pendedahan serta menarik minat kanak-kanak dalam menceburi sukan Bola Sepak di peringkat awal.
- Jumlah Peserta : 95 orang



Kejohanan Bola Sepak Liga Jr. 1MCC

Yamaha 2016 bagi kategori bawah 12 tahun Majlis Bandaraya Shah Alam telah menghantar pasukan Soccer Kids MBSA bagi menyertai Kejohanan Bola Sepak Liga 1MCC 2016 bagi kategori bawah 16 tahun. Perlawanan ini telah dibahagi kepada 2 Divisyen iaitu Divisyen 1 dan Divisyen 2. Pasukan Soccer Kids MBSA adalah di antara 16 pasukan yang terbaik yang telah disenaraikan di dalam kumpulan Divisyen 1.

Tarikh Mula	: 26 Mac – 29 Mei 2016
Tempat	: Padang Bola Sepak UPM, Serdang (Peringkat Liga)
Tempat	: Stadium Mini UPM, Serdang (Perlawanan Akhir)
Kategori	: Bawah 12 Tahun (Divisyen 1)
Jumlah Penyertaan	: 16 Pasukan

Akademi Taekwondo MBSA

Melalui program ini, setiap peserta akan dilatih dengan teknik-teknik asas dalam seni mempertahankan diri. Mereka juga bakal didedahkan dengan pertandingan dalaman dan luaran bagi menilai prestasi dari masa ke semasa.

Maklumat program;

Tempat	: Dewan MBSA Sek. 4, Shah Alam
Hari	: Setiap Hari Khamis & Sabtu
Masa	: 8.30 pagi – 10.30 pagi (Sabtu)
Masa	: 8.00 – 10.00 malam (Khamis)
Sasaran umur	: 4 tahun ke atas
Jumlah Peserta	: 45 orang



2.4 SEKSYEN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN

2.4.1 SEKSYEN KEBUDAYAAN

Program Kota Seni Shah Alam

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	JUMLAH
1	Warna	• 12 Mac 2016 • 9 April 2016 • 14 Mei 2016 • 3 Ogos 2016 • 27 Ogos 2016 • 5 November 2016 • 17 Disember 2016	Laman Seni 7	7 kali
2	Borak-borak	• 23 April 2016 • 28 Mei 2016 • 20 Ogos 2016 • 8 Oktober 2016 • 5 November 2016 • 26 November 2016	SACC Mall	6 kali

3	Program Gala Aspirasi Seni (GAS 1.0)	• 20 Februari 2016	Dewan Raja Muda, Seksyen 7, Kerjasama Strategik Bersama Pihak JAIS	1 kali
4	Festival Dunia Seni Silat & Warisan Selangor	• 27 Februari 2016	Galeri Shah Alam & Laman Budaya Shah Alam Kerjasama Strategik Bersama Pihak NGO	1 kali
5	Showcase Minggu Inspirasi Nurani dan Aspresiasi Islamik (MINDA)	• 27 Februari 2016	Laman Seni 7	1 kali
6	Persembahan Warisan Teater	• 21 Mei 2016	Galeri Shah Alam Kerjasama Strategik Bersama Pihak MSU	1 kali
7	Malaysia International Children's Choral Festival 2016	• 16 Julai 2016	Teater Shah Alam Kerjasama Bersama Sek. Keb. Seksyen 13 Shah Alam dan Kementerian Pendidikan Malaysia	1 kali
8	Festival Laman Seni	• 3 September 2016	Laman Seni 7	1 kali



2.4.2 PROGRAM PELANCONGAN

BIL	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1	Membuat publisiti melalui edaran risalah pelancongan "Terokai Shah Alam"	Januari hingga Jun 2016	Membuat edaran 300 risalah ke Tourism Selangor Sdn. Bhd. dan Tourism Malaysia

2	Lawatan produk pelancongan baru	21 Julai 2016	Tempat : Rumah Bugis, PADAT (Anjuran Perbadanan Adat Melayu & Warisan Negeri Selangor)
3	Festival Bon Odori 2016	23 Julai 2016	Tempat : Kompleks Sukan Negara, Seksyen 21 (Anjuran Bersama Tourism Selangor Sdn. Bhd.)
4	Selangor International Indigenous Arts Festival 2016	6 - 7 Ogos 2016	Tempat : Taman Botani Negara Shah Alam (Anjuran Bersama Tourism Selangor Sdn. Bhd.)
5	Teater Atas Pokok (TAP)	16 & 17 April 2016	Kedai Kopi 2, Dataran Kemerdekaan



MUZIKA - WARGA MBSA

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT / ANJURAN	JUMLAH
1	MBSA Idol • Peringkat dalaman (Terbuka kepada kakitangan MBSA)	• 12 Feb 2016	Program anjuran bersama Kelab Rekreasi MBSA	1 kali
2	• Koir MBSA • Perhimpunan bersama Datuk Bandar	• 19 Jan 2016 • 23 Feb 2016 • 15 Mac 2016 • 14 Jun 2016 • 11 Mei 2016 • 20 Sept 2016 • 15 Nov 2016	Dewan Auditorium MBSA	7 kali
	• Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MBSA	• 12 Apr 2016	Dewan Auditorium MBSA	1 kali

• Perhimpunan Bersama Menteri Besar Selangor Anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam	• 20 Jun 2016	Dewan Jubli Perak, SUK	1 kali
• Minggu Kualiti	• 19 Ogos 2016	Dewan Bankuet MBSA	1 kali
• Hari Integriti MBSA	• 22 Nov 2016	Dewan Bankuet MBSA	1 kali
3 Program persembahan Kombo MBSA di Pusat Membeli Belah Sekitar.	• Jan - Dis		2 kali
4 Pentas Seni (Open Stage) untuk Muzik Komuniti • Edisi Pertama	• 17 Apr 2016	Pentas Utama, Dataran Kemerdekaan Shah Alam	6 kali
• Edisi Kedua	• 14 Mei 2016		
• Edisi Ketiga	• 13 Ogos 2016		
• Edisi Keempat	• 8 Okt 2016		
• Edisi Kelima	• 19 Nov 2016	Perkarangan Stadium Shah Alam	
• Edisi Keenam	• 25 Dis 2016	Pentas Utama, Dataran Kemerdekaan Shah Alam	
5 Program 'DOME P. RAMLEE'	• 23 Sept 2016	Panggung Teater Shah Alam	1 kali
6 Jamuan Hari Raya MBSA 2016 "Persembahan Kombo MBSA"	• 19 Julai 2016	Perkarangan Stadium Shah Alam	1 kali

2.4.3 PERSEMAHAN-PERSEMAHAN KOMBO MBSA

BIL	PROGRAM	JUMLAH	TARIKH
1	• Program 'Mizuno Night Run'	1 kali	8 Okt 2016
2	• Majlis Makan Malam "Jasamu Dikenang ANULAE"	1 kali	3 Dis 2016
3	• Malam Kelab Rekreasi MBSA	1 kali	2 Mac 2016
4	• Puspanita Selangor	1 kali	29 Julai 2016
5	• Persaraan Kakitangan MBSA	1 kali	26 Ogos 2016
6	• AKRAB Selangor	1 kali	5 Sept 2016
7	• Mesyuarat Agong Dwi Tahunan KRMBSA ke 19	1 kali	16 Ogos 2016

1.0 PROFIL

JAWATAN	GRED	JUMLAH
Ketua Jabatan	KP48	1
Pegawai Penguatkuasa	KP44	2
Pegawai Penguatkuasa	KP41	2
Penolong Pegawai Penguatkuasa	KP 38	1
Penolong Pegawai Penguatkuasa	KP32	1
Penolong Pegawai Penguatkuasa (KUP)	KP 32	1
Penolong Pegawai Penguatkuasa	KP29	4
Penolong Pegawai Tadbir	N29	1
Penolong Pegawai Keselamatan	KP29	1
Pembantu Penguatkuasa	KP26	3
Pembantu Penguatkuasa	KP22	12
Pembantu Penguatkuasa (KUP)	KP22	31
Pembantu Penguatkuasa	KP19	228
Pembantu Am Pejabat	N1	1
Pengawal Keselamatan	KP14	1
Pengawal Keselamatan	KP11	32
Pembantu Awam	H14	1
Pembantu Awam	H11	8
Pembantu Awam	R1	3
JUMLAH KESELURUHAN		334

1.1 FUNGSI UTAMA JABATAN

- Melaksanakan penguatkuasaan Undang-Undang dan Peraturan Majlis.
- Menyedia dan memberi perkhidmatan dan bantuan menyelamatkan apabila berlaku bencana alam dan banjir.
- Mengawal dan menjaga keselamatan dan harta benda Majlis.
- Menguruskan hal ehwal pentadbiran Jabatan Penguatkuasaan.

1.2 PIAGAM PELANGGAN UTAMA JABATAN

- Tuntutan dan pengeluaran barang-barang sitaan boleh dibuat selepas 7 hari bekerja. (bagi semua kesalahan Undang-Undang Kecil dan Akta kecuali Undang-Undang Kecil Pusat Kesihatan dan Penjagaan Kecantikan dan Undang-Undang Kecil Pusat Siber dan Kafe Siber).
- Tuntutan kenderaan yang ditunda boleh dibuat serta merta.

2.0 LAPORAN PENCAPAIAN TAHUNAN

2.1 LAPORAN PENGELUARAN KOMPAUN JABATAN PENGUATKUASAAN BAGI TAHUN 2016

UNDANG-UNDANG	JUMLAH KOMPAUN
Akta Kerajaan Tempatan 1976	1
Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974	3,865
Enakmen Hiburan & Tempat-Tempat Hiburan 1995	2
Undang-Undang Kecil Taman (MBSA) 2005	91,140
Undang-Undang Kecil Vandalisme (MBSA) 2005	35
Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MBSA) 2007	2,818
Undang-Undang Kecil Penjaja (MBSA) 2007	9,305
Undang-Undang Kecil Pengendalian Makanan (MBSA) 2007	24
Undang-Undang Kecil Establishment Makanan (MBSA) 2007	756
Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (MBSA) 2007	41
Undang-Undang Kecil Iklan (MBSA) 2007	8,629
Undang-Undang Kecil Pusat Siber dan Kafe Siber (MBSA) 2007	37
Undang-Undang Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (MBSA) 2007	81
Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (MBSA) 2007	1
Undang-Undang Kecil Hotel (MBSA) 2007	77
Undang-Undang Kecil Pasar (MBSA) 2007	18
Undang-Undang Kecil Pusat Sukan Persendirian (MBSA) 2007	5
Undang-Undang Kecil Kolam Renang (MBSA) 2013	1
Perintah Pengangkutan Jalan (PTLK) MBSA	4

2.2 LAPORAN OPERASI JABATAN PENGUATKUASAAN BAGI TAHUN 2016

BIL	JENIS OPERASI	BILANGAN OPERASI YANG DIJALANKAN TAHUN 2016
1.	Iklan	1,222
2.	Billboard / papan tanda arah	18
3.	Penjaja tanpa lesen	239
4.	Penjaja (meninggalkan peralatan)	4
5.	Premis perniagaan	17
6.	Pusat siber	93
7.	Pusat kecantikan dan pusat kesihatan	42
8.	Pusat hiburan	4
9.	Hotel bajet	12
10.	Halangan (kerusi meja, motosikal awam)	70
11.	Pembangunan tanpa kebenaran	1
12.	Pelupusan / pembuangan sampah haram	7
13.	Bersepadu bersama jabatan dalaman	76
14.	Bersepadu bersama agensi luar	76
15.	'Car wash' dan kenderaan buruk	76

2.3 GAMBAR OPERASI / AKTIVITI MENGIKUT ZON / UNIT BAGI TAHUN 2016

2.3.1 ZON ALPHA



Operasi 'Car Wash'



Operasi Hiburan

2.3.2 ZON BRAVO



Operasi 'Billboard'



Operasi Kenderaan Buruk

2.3.3 ZON CHARLIE



Operasi 'Minisign'



Operasi Sita Peralatan Penjaja Yang Ditinggalkan

2.3.4 ZON DELTA



Operasi Halangan (Barangan Tred)



Operasi Hotel

2.3.5 ZON ECHO



Operasi Penjaja



Operasi Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan

2.3.6 UNIT PENGURUSAN

Unit Pengurusan terdiri daripada unit-unit kecil yang terdiri daripada Unit Pentadbiran Am, Unit Proses Kompaun, Unit Pengurusan Stor dan Unit Kenderaan yang mengendalikan hal ehwal pentadbiran am, hal-hal perjawatan dan perkhidmatan kakitangan, hal-hal kewangan dan perolehan, latihan dan kursus kakitangan serta tuntutan barang rampasan.



Kursus Pemahaman Undang-Undang Kecil MBSA pada 26 dan 27 Januari 2016 bertempat di Bilik Latihan, Pejabat Cawangan Setia Alam oleh penceramah dari Majlis Perbandaran Teluk Intan, Perak yang dihadiri oleh 60 orang anggota penguatkuasa Majlis.



Bengkel Penyediaan Kertas Siasatan Jabatan pada 28 Januari 2016 dikendalikan oleh Encik Mohd Fauzi bin Manan, Pembantu Undang-Undang Gred U29 di bantu oleh Ketua Jabatan Penguatkuasaan, Tn Abdul Hakim bin Haji Mahmud.



Majlis Tamat Latihan Kursus Asas Penguatkuasa Siri 1/2016 pada 2 Jun 2016 di Dataran Kemerdekaan.



Latihan Penggunaan Senjata Api oleh anggota penguatkuasa yang turut disertai oleh Datuk Bandar dan Ahli-Ahli Majlis pada 17 dan 18 November 2016 di Padang Lapor Sasar, Kelab Diraja Klang, Selangor.

2.3.7 UNIT KESELAMATAN



Tindakan kunci tayar jika pelanggan atau kakitangan meletakkan kenderaan dengan cara yang menghalang lalu lintas atau meletakkan kenderaan di tempat yang bukan dikhaskan untuknya.




Pemeriksaan keselamatan terhadap semua pintu-pintu utama Jabatan bagi memastikan dikunci selepas waktu bekerja setiap hari.


Statistik Tindakan Kunci Tayar

BULAN	BILANGAN KENDERAAN (2015)	BILANGAN KENDERAAN (2016)
Jan	20	12
Feb	14	22
Mac	19	14
Apr	14	21
Mei	11	34
Jun	17	24
Jul	10	14
Ogos	11	55
Sept	7	43
Okt	5	32
Nov	7	41
Dis	7	17
JUMLAH	142	329

Statistik Tindakan Kunci Tayar



Statistik Tindakan Awal Aduan Kecemasan



2.3.8 UNIT PANTAS



Tangkapan terhadap orang awam yang membuang sampah di atas kesalahan Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (IMBSA) 2007



Bantuan awal bagi kes kecemasan pokok tumbang akibat hujan lebat



Bantuan pemadaman api kebakaran di tapak pelupusan sampah haram bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Shah Alam, Seksyen 15, Shah Alam, Selangor.



Pemantauan awal kenaikan air di sekitar kawasan Shah Alam.

Statistik Tindakan Awal Aduan Kecemasan

BULAN	BILANGAN KENDERAAN (2015)	BILANGAN KENDERAAN (2016)
Jan	10	18
Feb	10	1
Mac	10	-
Apr	-	5
Mei	-	18
Jun	-	5
Jul	-	12
Ogos	3	8
Sept	40	3
Okt	15	7
Nov	20	16
Dis	26	11
JUMLAH	134	104

2.3.9 UNIT TRAFIK



Tindakan sita motosikal terhadap orang awam yang meletakkan kenderaan bermotor bukan pada tempat yang telah disediakan di dalam kawasan taman.




Motosikal yang di sita ditempatkan di Stor Unit Trafik untuk urusan tuntutan.

Statistik Tindakan Operasi Motosikal

BULAN	BILANGAN KENDERAAN (2015)	BILANGAN KENDERAAN (2016)
Jan	13	38
Feb	46	13
Mac	56	30
Apr	36	18
Mei	24	16
Jun	-	-
Jul	6	13
Ogos	9	30
Sept	9	18
Okt	7	14
Nov	48	21
Dis	26	6
JUMLAH	280	217

Statistik Tindakan Operasi Motosikal



2.3.10 UNIT TUNDA



Tindakan pengeluaran kompaun dan penundaan kenderaan terhadap orang awam yang meletakkan kenderaan di kawasan larangan/Zon Tunda bagi kesalahan UUK Taman (MBSA) 2005.




Kenderaan yang ditunda ditempatkan di Depoh Tunda Seksyen 17, Shah Alam untuk urusan bayaran dan tuntutan, beroperasi dari jam 8 pagi hingga 8.00 malam setiap hari bekerja.

Statistik Tindakan Penundaan Kenderaan

BULAN	BILANGAN KENDERAAN (2015)	BILANGAN KENDERAAN (2016)
Jan	225	335
Feb	240	312
Mac	330	393
Apr	268	275
Mei	265	240
Jun	339	363
Jul	201	180
Ogos	210	361
Sept	222	275
Okt	261	291
Nov	326	248
Dis	312	284
JUMLAH	3,199	3,557

Statistik Tindakan Penundaan Kenderaan



3.0 PENCAPAIAN



Johan KIK Majlis Persada Inovasi MBSA 2016 pada 6 Mei 2016 di Dewan Bankuet MBSA



Johan Bolasepak Antara Jabatan Liga Piala Presiden KRMBSA 2016 pada 6 Mei 2016 di Padang C, Dataran Kemerdekaan



Johan Pertandingan Persembahan Bertemakan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S pada 19 Ogos 2016 di Dewan Bankuet MBSA



Johan Teater Muzikal Dome P.Ramlee pada 23 September 2016 di Teater Diraja Shah Alam



Naib Johan Perbarisan dan Perarakan Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan Yang Ke-59 pada 31 Ogos 2016 di Dataran Kemerdekaan



Johan Kejohanan Bolasepak Penguatkuasa PBT Selangor Tahun 2016



Johan Liga Bolasepak Piala Presiden KRMBSA Tahun 2016

1.0 PROFIL

1.1 JUMLAH KAKITANGAN

BIL	JAWATAN	JUMLAH KAKITANGAN
1.	Ketua Jabatan	1
2.	Pengawai Tadbir	1
3.	Pegawai Kawalan Alam Sekitar	3
4.	Penolong Pegawai Tadbir	1
5.	Penolong Pengawai Kesihatan Persekitaran (Kanan)	3
6.	Penolong Pengawai Kesihatan Persekitaran	20
7.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	3
8.	Pembantu Kesihatan Awam	8
9.	Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi)	29
10.	Pembantu Operasi	1
11.	Pembantu Tadbir Rendah (Pengawas)	1
12.	Pembantu Awam	26
13.	Pekerja Awam	14
14.	Pemandu Kenderaan	16
JUMLAH KESELURUHAN		127

1.2 SEKSYEN / UNIT



2.0 KAWALAN KEBERSIHAN BANDAR

Unit Operasi Kawalan Kebersihan Bandar merupakan unit yang mengawal selia kerja-kerja pembersihan kawasan dan kutipan sampah. Unit ini terbahagi kepada 3 zon utama iaitu Zon Tengah, Selatan Dan Utara.

2.1 KAWALSELIA PEMBERSIHAN KAWASAN

Perkhidmatan pembersihan awam (sapuan jalan, potongan rumput, bersih longkang, pembersihan pasar, gerai, tandas dan kutipan sampah kebun / pukal / haram) di dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik oleh Majlis secara Sebutharga dan Tender.

2.1.1 KONTRAKTOR PEMBERSIHAN KAWASAN DI KAWASAN MAJLIS BAGI TAHUN 2016

Jumlah Kontraktor Pembersihan Awam Bagi Tahun 2016 Mengikut Zon adalah seperti berikut :

ZON	JUMLAH KONTRAKTOR PEMBERSIHAN KAWASAN TAHUN 2016
TENGAH (SEK. 1-22, U1-U2, U8, U11-U13)	101
SELATAN (SEK. 23-36)	72
UTARA (SEK. U3-U7, U9-U10, U14-U20)	60

Pecahan Kontraktor Mengikut Zon (Pembersihan Kawasan, Pembersihan Pasar/Gerai Majlis dan Pembersihan Longkang Besar)

ZON	JUMLAH KONTRAKTOR PEMBERSIHAN AWAM TAHUN 2016		
	KAWASAN	PASAR / GERAJ	LONGKANG BESAR
TENGAH	77	11	13
SELATAN	59	6	7
UTARA	49	7	4
JUMLAH	185	24	24

2.1.2 PERUNTUKAN PERBELANJAAN

Peruntukan perbelanjaan bagi perkhidmatan pembersihan awam di kawasan Majlis pada tahun 2016 adalah seperti berikut :

PERKHIDMATAN	BIL. KON-TRAKTOR	KOS (RM)	
		SEBULAN	SETAHUN
Pembersihan Kawasan	185	2,840,130.28	34,081,563.40
Pembersihan Longkang Besar	24	213,343.58	2,560,122.96
Pembersihan Gerai dan Pasar Majlis	24	236,059.11	2,832,709.32
JUMLAH	233	3,289,532.97	39,474,395.68

2.1.3 TINDAKAN PENGUATKUASAAN KEPADA KONTRAKTOR PEMBERSIHAN MAJLIS

Tindakan Pengeluaran "Notice To Correct"(NTC) Kepada Kontraktor Pembersihan Awam Bagi Tahun 2016

BULAN	JUMLAH PENGELUARAN NTC TAHUN 2016	JUMLAH PEMOTONGAN BAYARAN (RM)
Januari	420	25,600.00
Februari	390	23,300.00
Mac	330	21,050.00
April	424	28,550.00
Mei	419	24,350.00
Jun	432	25,550.00
Julai	396	25,050.00

Ogos	374	23,850.00
September	242	12,810.00
Oktober	410	25,400.00
November	476	29,500.00
Disember	287	33,350.00
JUMLAH	4,600	298,360.00

Jumlah Pengeluaran NTC Bagi Tahun 2016



2.2 KAWALSELIA KUTIPAN SISA DOMESTIK

Perkhidmatan kerja-kerja kutipan sisa domestik di dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik oleh Majlis secara Sebutharga dan Tender.

2.2.1 KONTRAKTOR KUTIPAN SISA DOMESTIK DI KAWASAN MAJLIS BAGI TAHUN 2016

Jumlah Kontraktor Kutipan Sisa Domestik Bagi Tahun 2016 Mengikut Zon adalah seperti berikut :

ZON	JUMLAH KONTRAKTOR KUTIPAN SISA DOMESTIK TAHUN 2016
TENGAH (Seksyen 1-22, U1-U2, U8, U11-U13)	12
SELATAN (Seksyen 23-36)	8
UTARA (Seksyen U3-U7, U9-U10, U14-U20)	5

2.2.2 PERUNTUKKAN PERBELANJAAN

Peruntukan perbelanjaan bagi perkhidmatan kutipan sisa domestik di kawasan Majlis pada tahun 2016 adalah seperti berikut :


ZON	BIL. KONTRAKTOR	KOS (RM)	
		SEBULAN	6 BULAN
Januari hingga Jun	52	1,729,528.90	10,377,173.40
Julai hingga Disember	25	1,738,786.87	10,432,721.22
JUMLAH	77	3,468,315.77	20,809,894.62

2.2.3 TINDAKAN PENGUATKUASAAN KEPADA KONTRAKTOR KUTIPAN SISA DOMESTIK MAJLIS

Tindakan Pengeluaran "Notice To Correct"(NTC) Kepada Kontraktor Kutipan Sisa Domestik Bagi Tahun 2016

BULAN	JUMLAH PENGELUARAN NTC TAHUN 2016	JUMLAH PEMOTONGAN BAYARAN (RM)
Januari	24	6,900.00
Februari	19	4,900.00
Mac	16	4,400.00
April	41	13,200.00
Mei	11	3,200.00
Jun	23	11,300.00
Julai	0	0.00
Ogos	0	0.00
September	4	1,200.00
Oktober	73	47,200.00
November	5	1,800.00
Disember	5	2,200.00
JUMLAH	221	96,300.00

Pengeluaran NTC Domestik Bagi Tahun 2016



2.3 KAWALSELIA PEMBERSIHAN PERSIARAN

Perkhidmatan kerja-kerja pembersihan persiaran (Jalan Utama / Jalan Protokol) di dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik oleh Majlis secara Sebutharga dan Tender.

2.3.1 KONTRAKTOR PEMBERSIHAN PERSIARAN DI KAWASAN MAJLIS BAGI TAHUN 2016

Jumlah Kontraktor Pembersihan Persiaran Bagi Tahun 2016 Mengikut Zon adalah seperti berikut :

